

Jilid I  
Bil. 76



Hari Rabu  
28hb Oktober, 1987

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 12649]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18:**  
Tangkapan dan Penahanan Besar-besaran—Y.B. Tuan Lee Lam Thye  
[Ruangan 12698]

**KENYATAAN Y.A.B. PERDANA MENTERI:**  
Ketenteraman dan Keamanan Negara [Ruangan 12701]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 12709]

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 12709]

**USUL:**  
Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 12709]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA, (Jasin).

„ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N. B.C.K. (Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,  
A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.  
(Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.  
(Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek  
Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.  
(Alot Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOHO (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz,  
D.P.M.P., J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 28hb Oktober, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PENGAMBILAN KATA-KATA  
BAHASA ASING**

**1. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan hari ini banyak perkataan lain dijadikan bahasa tulisan tuturan moden yang sedang digunakan oleh masyarakat kita, dari petikan bahasa apakah antara perkataan-perkataan yang dilengkapkan itu; sedangkan Melayu-Cina-Hindu memang banyak perkataan-perkataan asalnya yang boleh dijadikan sebagai perkataan-perkataan tulisan baru bagi kita. Kenapakah usaha-usaha ini tidak dibuat hinggakan sanggup kita mencari perkataan-perkataan payah dari perkataan-perkataan bahasa asing dijadikan Bahasa Malaysia moden.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pembinaan dan perkembangan sesuatu bahasa, proses peminjaman atau pengambilan kata-kata dalam bahasa asing tidaklah dapat dielakkan. Bahasa Melayu telah mencapai tahap pembinaan dan perkembangan, seperti yang ada pada hari ini juga telah mengalami proses

yang sama, iaitu banyak meminjam kata daripada Bahasa Sanskrit, Bahasa Arab, Bahasa Parsi, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Portugis dan Bahasa Inggeris sebagaimana terdapat dalam bahasa kita pada hari ini.

Bahasa Malaysia telah menjadi bahasa moden dan bahasa ilmu pengetahuan tinggi, selaras dengan perkembangan dunia moden dan perkembangan ilmu dalam berbagai bidang. Pemindahan ilmu pengetahuan sains dan teknologi antarabangsa ke dalam kehidupan kita melalui Bahasa Malaysia dibuat menerusi bahasa antarabangsa yang utama, iaitu Bahasa Inggeris. Jadi, konsep dan perkara baru yang masuk ke dalam bahasa kita banyak yang tidak dapat dicari kata-kata yang sesuai dalam Bahasa Melayu, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil tetapi terpaksa mencipta kata baru atau meminjam kata daripada Bahasa Inggeris yang menyampaikan ilmu itu, terutamanya istilah-istilah ilmu sains yang khusus. Sebab itulah pengambilan atau peminjaman istilah-istilah Bahasa Inggeris ke dalam bahasa kita terpaksa dilakukan. Proses ini bukanlah usaha yang merosakkan bahasa kita, malahan sebaliknya memperkaya dan mengembangkan bahasa kita menjadi bahasa moden dan bahasa ilmu pengetahuan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam Bahasa Melayu ada beberapa perkataan yang dipinjam misalnya dipinjamkan daripada Bahasa Inggeris

seperti perkataan moden. Tetapi perkataan moden ini dia mempunyai satu konsep misalnya digambarkan satu pemikiran yang berdasarkan kepada akal; makna "aqliah" yang ianya tidak berpijak pada kenyataan sebagai omong-omong kosong. Tetapi sekarang ini perkataan moden digunakan dengan sewenang-wenang walaupun pendapat yang dinyatakan itu sebagai satu pendapat yang dangkal. Sedangkan perkataan moden sebagaimana dikatakan tadi berdasarkan kepada "aqliah", pemikiran yang saintifik dan apakah langkah Kementerian Yang Berhormat untuk memastikan atau untuk memelihara supaya istilah-istilah yang begini tidak digunakan dengan sewenang-wenang kerana dia boleh merosakkan makna dan tujuan perkataan itu digunakan.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang sedia kita maklum satu istilah yang digunakan dalam satu bahasa muncul dari nilai atau "weltanschauung"—konsep pemikiran bangsa itu sendiri. Kita tidak dapatlah memastikan bahawa penggunaan istilah bila diterjemahkan akan menepati sepenuhnya maksud istilah asal. Walau bagaimanapun, sepertimana diakui dalam ilmu sosio-lingustik kegunaan bahasa itu harus sesuai dengan kefahaman dan penerimaan masyarakat yang menggunakan bahasa itu. Dan ini terletak pula kepada satu keadaan yang disebut sebagai, dengan izin "context of situation", keberibadian keadaan. Jadi yang boleh kita pastikan ialah satu pendidikan, pencapaian tahap ilmu yang lebih tinggi untuk memastikan maksud istilah asal itu menepati konsep yang digunakan pada peringkat awal.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam konteks penggunaan atau penciptaan istilah dan juga dalam kaitan

penggunaan bahasa-bahasa ini, adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar bahawa ada pencemaran bahasa dan penyalahgunaan bahasa di dalam penyampaian maksud oleh pihak-pihak tertentu. Dan kalau ada, apakah langkah Kementerian Pendidikan untuk mengatasi pencemaran dan pencabulan penggunaan Bahasa Malaysia.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soal pencemaran bahasa atau penggunaan bahasa yang buruk atau jelek itu memang ketara benar dalam masyarakat kita. Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai institusi yang mengawasi perkembangan mutu bahasa memang sentiasa meneliti walaupun kita tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk memastikan masyarakat menggunakan bahasa yang betul.

Kerajaan juga tidak bercadang untuk menggunakan peruntukan undang-undang selain daripada memberikan teguran agar masyarakat yang menggunakan bahasa memastikan penggunaannya itu dengan betul.

## KEGELINCIRAN/KEMALANGAN KERETAPI

**2. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah kemalangan "derailment of Wagons" yang berlaku dalam tahun 1982-1986 dengan sistem kenderaan di Keretapi Tanah Melayu dan apakah sebab-sebab untuk berlaku kemalangan-kemalangan tersebut; dan
- (b) berapakah orang yang mati dalam kemalangan-kemalangan tersebut dan sebab apakah pihak KTM tidak mempunyai satu sistem insuran untuk menjaga kepentingan rakyat

yang menggunakan sistem kenderaan tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, perangkaan kegelinciran yang berlaku dalam tempoh lima tahun iaitu dari 1982 hingga 1986 berserta sebab-sebab kegelinciran dan kemalangan tersebut adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kes</i>
1982 .. ..	134
1983 .. ..	101
1984 .. ..	74
1985 .. ..	48
1986 .. ..	47

Sebab-sebab kegelinciran-kegelinciran seperti yang dinyatakan tadi adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (i) kerosakan landasan;
- (ii) kerosakan gerabak dan koc;
- (iii) pelanggaran antara tren;
- (iv) pelanggaran dengan kenderaan awam;
- (v) muatan tidak seimbang;
- (vi) muatan berlebihan;
- (vii) melebihi had laju;
- (viii) pengkhianatan;
- (ix) akibat bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya; dan
- (x) melanggar lembu.

Tiada kemalangan jiwa berlaku kepada para penumpang akibat kegelinciran dalam tempoh 1982 hingga 1986. Mengikut peraturan sekarang, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) tidaklah dikehendaki memberi perlindungan insuran kepada penumpang keretapi. Walau bagaimanapun, KTM telah pun membuat perbincangan awal dengan beberapa firma insuran atas kemungkinan mewujudkan insuran

bagi perlindungan penumpang. Pihak penumpang ataupun keluarga penumpang akan hanya dibayar saguhati sekiranya penumpang itu cedera ataupun meninggal dunia dan pihak Mahkamah memutuskan kecederaan itu atau kematian itu adalah akibat daripada dan tanggungjawab atau kesalahan KTM sendiri.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, punca-punca kemalangan yang telah dinyatakan tadi salah satu sebabnya ialah melanggar lembu. Kenapakah KTM begitu mudah tergelincir hanya melanggar lembu sahaja boleh berlaku kemalangan atau adakah dengan sebab-sebab yang lain kerana KTM itu sendiri mempunyai peralatan yang sudah lama yang perlu kepada pembaharuan supaya boleh menahan dan juga mengelakkan daripada sebarang kemungkinan yang berlaku?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut siasatan dan kajian yang telah dibuat oleh KTM sepanjang masa sehingga hari ini, salah satu daripada sebab terjadinya kegelinciran ialah melanggar lembu. Lembu itu binatang yang besar. Tidak ada binatang lain pun yang menyebabkan kegelinciran itu. Dan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerbau, Ahli Yang Berhormat.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Kerbau pun tidak. Lembu sahaja semuanya, (*Ketawa*) sebab agaknya kerbau di tempat yang berpaya, Tuan Yang di-Pertua. Rel keretapi ini di tempat yang kering. Jadi, tidak ada kerbau di situ. Tadi saya ada juga mengatakan sebab-sebab lainnya ialah kerana kerosakan gerabak, kerana landasan dan sebagainya. Oleh kerana keretapi itu

memang kecil, bila sudah tertumpu kepada seekor lembu, lembu itu tidak bergerak dan tergelincirlah keluar daripada rel keretapi. Itulah sebabnya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa salah satu masalah yang besar yang dialami oleh pihak KTM ialah untuk mendapatkan peruntukan yang cukup agar memastikan bahawa landasan yang rosak itu dapat digantikan dan juga masalah-masalah yang lain dapat diperbaiki. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya berkenaan untuk mendapatkan lebih banyak peruntukan kepada KTM untuk memperbaiki masalah-masalah yang disentuh oleh saya tadi?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, memang KTM mempunyai Anggaran Belanjawannya pada tiap-tiap satu Rancangan Malaysia dan juga tiap-tiap tahun. Dan peruntukan-peruntukan ini sudah tentulah tidak dapat keseluruhannya diadakan oleh Kerajaan. Salah satu cara untuk mengatasi masalah kekurangan kewangan ini ialah penswastan yang sedang dikaji sekarang.

#### JAWATAN PROFESSOR— KENAIKAN PANGKAT

3. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementeriannya akan membuat keputusan muktamad dalam mensyaratkan pensyarah Universiti wajib menghasilkan buku-buku ilmiah dalam bidang masing-masing sebelum dilantik sebagai Professor atau Professor Madya.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

Pendidikan ada mencadangkan supaya pihak universiti menimbangkan agar pensyarah-pensyarah yang dilantik menjadi Professor atau ke jawatan Professor Madya haruslah menghasilkan penulisan buku ilmiah dalam Bahasa Malaysia atau sekurang-kurangnya menterjemahkan sebuah buku ilmiah dalam bidang mereka masing-masing sebelum menjawat jawatan Professor ataupun Professor Madya. Namun demikian, sepertimana yang kita sedia maklum, perlantikan muktamad akan terserah kepada keputusan Dewan Senat Universiti masing-masing. Kementerian hanya mampu memberi cadangan supaya Senat Universiti menimbangkan.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan pada masa ini, apakah ciri-ciri ataupun kriteria-kriteria pemilihan seorang pensyarah kanan untuk dinaikkan ke tahap Professor Madya, adakah hanya dengan sekadar untuk menerbitkan dua tiga makalah atau terjemahan dan juga mengadakan forum-forum, diskusi, ceramah dan sebagainya. Yang kedua, berapakah ramai bilangan Professor kita yang terdapat di tanahair kita pada hari ini dan adakah menampung keperluan tenaga pengajaran di Pusat-pusat Pengajian Tinggi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan nombor dua itu tidak bersangkutan. Soalan pertama boleh dijawab.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Kriteria perlantikan Professor dan Professor Madya pertamanya ialah kelayakan akademik termasuk ijazah lanjutan, pengalaman mengajar, menyelidik dan juga karya ataupun penghasilan melalui penerbitan sama ada makalah atau buku-buku. Tetapi setakat ini tidaklah diletakkan syarat supaya di antara penerbitan itu haruslah dalam Bahasa Malaysia.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa di universiti-universiti dunia yang terkemuka, penerbitan buku dan artikel akademik yang bertaraf tinggi dan bertaraf antarabangsa merupakan kriteria yang utama dalam perlantikan seorang Professor dan sama ada Kementerian akan menentukan bahawa perlantikan Professor-profesor di universiti-universiti tanahair kita akan berdasarkan kepada kriteria ini?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jelaskan, kriteria akademik dari segi penerbitan buku atau makalah bertaraf antarabangsa memang merupakan di antara ukuran atau kriteria utama. Namun demikian, Ahli Yang Berhormat juga harus sedia maklum bahawa di kalangan negara-negara sedang membangun, kriteria yang saya sebutkan iaitu penerbitan dalam bahasa negara mereka memang ditambah dan banyak negara-negara jiran kita sendiri pun telah mengenakan syarat itu. Saya tidak ada sebab untuk mempertikaikan perlantikan serta keupayaan sarjana-sarjana kita yang telah dilantik menjadi Professor dalam bidang mereka masing-masing kerana saya mendapat maklumat bahawa di antara ukuran penting ialah dari segi penerbitan serta kelayakan akademik mereka.

#### KEMENTERIAN DALAM NEGERI—PENTADBIRAN LEMBAB

**4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab pentadbiran di Kementerian itu agak lembab hingga Hakim Mahkamah Tinggi terpaksa menegur sekurang-kurangnya dalam dua

perkara iaitu dalam bahagian Pendaftaran dan dalam mengeluarkan Permit Penerbitan (KDN); dan

- (b) adakah Menteri berkenaan bercadang untuk merombak sistem pentadbiran Kementerian itu sesuai dengan ingatan Hakim Mahkamah Tinggi itu dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mematuhi arahan Mahkamah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, tidaklah tepat untuk mengatakan pentadbiran Kementerian ini lembab hanya semata-mata berdasar kepada sesuatu teguran atau peristiwa tertentu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa peka dan mengambil berat segala pandangan dan teguran yang positif mengenai pentadbiran dari mana-mana pihak.

Tentang soalan (b), sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, tidak ada arahan Mahkamah yang menghendaki sistem Kementerian ini dirombak. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sama seperti jentera Kerajaan yang lain sentiasa berusaha untuk memperkemas pentadbirannya.

#### SEBARAN AJARAN SYIAH

**5. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah bagi mengelakkan pengaruh Syiah berkembang di negara ini, kerana sekarang terdapat beberapa golongan tertentu menjelajah ke seluruh negara sambil menyebarkan ajaran Syiah itu.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada gerakan penyebaran ajaran Syiah di negara ini.

Apa yang berlaku ialah ada beberapa orang perseorangan yang memperlihatkan minat yang lebih terhadap beberapa aspek amalan dalam ajaran Syiah dan mereka cuba menyebarkan fahaman mereka tentang perkara-perkara itu kepada rakan-rakan dan orang awam dan ini pun dilakukan secara sambilan dan bukan sebagai suatu aktiviti yang terancang. Oleh itu Kerajaan tidak mempunyai dan tidak perlu mengatur langkah-langkah tersebut untuk menyekat pengaruh Syiah itu. Kita mempunyai undang-undang untuk mengawal ketenteraman dan keselamatan negara dan undang-undang negeri yang mengawal kesucian agama Islam. Kerajaan tidak teragak-agak menggunakan kuasa yang diberikan oleh undang-undang itu bila perlu.

Sementara itu kegiatan Dakwah Islamiah di kalangan umat Islam di negara ini adalah aktif dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan, badan-badan dakwah dan juga orang perseorangan. Ini termasuklah penerbitan risalah dan buku-buku mengenai ajaran-ajaran sesat dan yang bertentangan dengan ajaran Islam ahli sunnah wal-jamaah yang telah lama dijalankan oleh agensi-agensi termasuk Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri. Sejarah membuktikan bahawa apa sahaja ajaran atau fahaman yang bertentangan dengan fahaman ahli sunnah wal-jamaah yang menjadi ikutan masyarakat Islam di negara ini tidak akan dapat bertapak di negara ini. Ini adalah kerana tahap pengetahuan agama Islam masyarakat di negara ini adalah tinggi dan alim ulama adalah merupakan benteng yang kukuh bagi umat Islam di negara ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat satu parti Pembangkang walaupun tidak

menyebarkan fahaman Syiah tetapi menyebarkan pengikut-pengikutnya supaya berkiblatkan kepada negara yang mengamalkan fahaman Syiah iaitu Iran. Kalau Yang Berhormat sedar, apakah tindakan yang diambil kepada parti Pembangkang tersebut?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada itu menunjukkan kelemahan parti yang berkenaan kerana tidak ada pendiriannya sendiri. *(Tepuk)*

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengukur sama ada seorang itu menjalankan ajaran Islam yang sebenar adalah perkara yang rumit. Namun demikian, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah garis panduan-garis panduan yang digunakan untuk menentukan secara umum dan secara terperinci akan terkeluar aktiviti ataupun amalan yang dilakukan oleh satu kumpulan atau individu itu dalam aspek agama yang disebutkan tadi?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir garis panduan yang paling mudah sekali ialah garis panduan yang sentiasa diberikan oleh Kerajaan. Kalau sekiranya rakyat tidak mengambil berat tentang apa yang ditentukan oleh Kerajaan mengenai dengan cara-cara pendekatan Islam dalam menghadapi masalah, maka mereka akan disesatkan oleh beberapa approach ataupun pendekatan oleh mereka yang tidak menyedari tentang keadaan di masyarakat ini.

Garis panduan itu boleh dilihat daripada beberapa aspek iaitu garis panduan dari segi urusan seharian menurut kacamata Islam, garis panduan dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan sebagainya yang semuanya sentiasa diterangkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

### KENAIKAN ELAUN PEMAJU MASYARAKAT (KEMAS)

**6. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan jumlah kewangan yang terlibat dalam memberikan kenaikan elaun bagi Pemaju-pemaju Masyarakat (KEMAS) baru-baru ini; dan

- (a) adakah Kementerian bercadang menambah lagi kenaikan itu memandangkan kenaikan tersebut tidak setimpal dengan tambahan waktu bekerja, atau Kementerian sudah berpuas hati dengan kenaikan tersebut; dan
- (b) berapa jamkah lama masa bekerja bagi Pemaju-pemaju Masyarakat (KEMAS) dalam sehari.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kewangan yang terlibat dalam memberikan kenaikan elaun bagi Pemaju-pemaju Masyarakat baru-baru ini ialah \$620,279.

Pada masa ini Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak bercadang untuk menambah kenaikan elaun bagi Pemaju-pemaju Masyarakat.

Bagi soalan (b), masa bekerja bagi Pemaju Masyarakat adalah sama seperti anggota Kerajaan yang lain iaitu 38 jam 30 minit seminggu dengan hitung panjang 7 jam sehari.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Saya difahamkan Pemaju-pemaju Masyarakat ini sekarang ini had umur yang ditentukan hanya dihadkan kepada 55 tahun. Adakah perkara ini benar? Kalau benar, saya rasa Pemaju Masyarakat ini hendaklah diberi

peluang berasaskan kemampuan, pengalaman dan juga kesihatan, perlu diberi kelonggaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa bertentangan dengan apa yang ditanyakan.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memaklumkan berapa ramaikah bilangan Pemaju-pemaju Masyarakat dan kenapakah tidak dapat dipertimbangkan kenaikan elaun mereka sedangkan tugas mereka lebih banyak membimbing masyarakat terutama masyarakat desa? Saya minta supaya dapat satu penjelasan yang lebih tegas berhubung dengan Pemaju-pemaju Masyarakat ini.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Saya ingin menjawab soalan yang kedua terlebih dahulu. Sebenarnya Kerajaan baru sahaja menaikkan elaun-elaun mereka, jadi pertanyaan Yang Berhormat yang menyatakan Kerajaan tidak menaikannya adalah tidak betul kerana kenaikan baru yang telah diberikan ialah berjumlah antara \$40 sehingga \$50.

Bilangan ahli-ahli KEMAS ialah dalam lingkungan 14,000 orang.

### FELDA—RANCANGAN TANAH DI SABAH

**7. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan berapakah luas tanah yang telah dibuka oleh FELDA di Sabah sejak rancangan ini diadakan di Sabah dan berapakah jumlah wang yang dibelanjakan ke atas skim ini. Berapakah pula hasil yang telah diperolehi daripada projek ini.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini

sebanyak 35 rancangan meliputi kawasan seluas 57,000 hektar telah dimajukan oleh FELDA di negeri Sabah. Dalam usaha memajukan kawasan-kawasan berkenaan, FELDA sehingga 30hb Jun, 1987 telah membelanjakan wang sejumlah \$377,842,510. Luas kawasan yang telah mengeluarkan hasil dan nilai hasil yang diperolehi dalam tempoh yang sama adalah seperti berikut:

Kawasan yang mengeluarkan hasil jumlahnya ialah 8,698 hektar. Dari jumlah itu 6,116 hektar adalah kawasan kelapa sawit dan 2,582 hektar adalah kawasan koko. Jumlah hasil yang dikeluarkan ialah 61,293 metrik tan dan dari jumlah itu 59,709 metrik tan adalah kelapa sawit dan 1,584 metrik tan adalah koko. Nilai hasil semuanya berjumlah \$12,842,252. Dari jumlah tersebut \$7,096,009 adalah hasil daripada sawit dan \$5,746,243 adalah daripada koko.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Soalan tambahan. Dengan luasnya tanah sebanyak 57,000 hektar yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada FELDA, adakah pembukaan tanah tersebut seimbang dengan nisbah peneroka yang ada?

Kedua, adakah peneroka ini orang tempatan atau sebaliknya?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan ini telah direncanakan untuk menampung keperluan seperti yang telah dirundingkan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan saya suka memaklumkan setakat ini 297 orang peserta telah pun dimasukkan ke tiga buah rancangan dan penerusan kemasukan peserta-peserta dalam rancangan-rancangan tersebut telah pun disusun demikian rupa dan peserta-peserta ini akan dimasukkan apabila sampai masanya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalan tambahan. Berapa kekosongan lagi

rancangan yang telah disiapkan itu dan belum diambil alih atau dimasuki oleh peserta-peserta—berapakah kekosongan?

Keduanya, iaitu saiz tiap-tiap unit yang akan diagihkan kepada peserta?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kawasan yang kita majukan itu telah pun dirangkakan biasanya 5,000 ekar satu-satu rancangan dan biasanya tiap-tiap kawasan seluas itu kita masukkan kira-kira berdasarkan kepada keluasan 10 ekar untuk satu orang peserta.

#### RASUAH—PEGAWAI BADAN PENCEGAH RASUAH

**8. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat pegawai-pegawai dari Badan Pencegah Rasuah yang telah ditangkap kerana rasuah, jika ya, berapa jumlahnya dan apakah tindakan positif yang diambil untuk membanteras rasuah di negara kita.

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi mana-mana pegawai Badan Pencegah Rasuah yang ditangkap bersabit dengan kes-kes rasuah.

Mengenai bahagian kedua soalan daripada Ahli Yang Berhormat itu, di antara tindakan positif yang diambil oleh pihak berkuasa Badan Pencegah Rasuah dalam usahanya untuk membanteras rasuah dalam negara adalah seperti berikut:

- (1) mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti perisikan untuk mengumpul dan mendapat maklumat-maklumat yang lebih tepat dan bermutu bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan;

- (2) mempertingkatkan serta memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti siasatan bagi memperoleh bukti-bukti atau keterangan-keterangan yang berkaitan dan apabila keterangan tersebut sudah mencukupi dan nyata mereka yang terlibat akan dihadapkan ke mahkamah;
- (3) melipatgandakan usaha-usaha pencegahan rasuah melalui aktiviti-aktiviti bercorak pendidikan rohaniah serta moral, khususnya memberi ceramah, taklimat dan dialog di samping mengedarkan bahan-bahan bacaan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang bahaya dan ancaman rasuah;
- (4) memberikan kursus latihan kepada pegawai-pegawai BPR dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mempertingkatkan mutu kerja dan profesionalisme masing-masing; dan
- (5) membuat kajian ke atas sistem pengurusan dan tatacara jabatan dalam mengenalpasti peluang-peluang rasuah serta lompang-lompang (loop-holes) dalam sistem yang ada mengakibatkan perbuatan rasuah dan membuat perakuan-perakuan supaya dapat ditutup peluang-peluang rasuah yang wujud.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu sama ada betul atau tidak rungutan orang ramai bahawa mereka yang ditangkap oleh BPR itu hanya merupakan ikan bilis sahaja dan tidak ikan yu. Maksud saya, orang-orang berpendapatan kecil dan sederhana sahaja.

Soalan kedua, berapa orangkah Majistret yang telah ditangkap oleh BPR kerana rasuah dalam sejarah Kehakiman Malaysia?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, tidak betul.

Kedua, mengenai jumlah Majistret yang ditangkap dalam sejarah, saya fikir perkara itu belum lagi kita sahkan sama ada sabit atau tidak dari segi tuduhan rasuah yang disebutkan.

### PENAGIH DADAH

**9. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kempen anti-dadah Kerajaan telah berjaya dan berikan butir-butir lanjut mengenai:

- (i) bilangan penagih dadah yang telah dikenalpasti sehingga 30-9-1987;
- (ii) bilangan pengedar dadah yang telah dijatuhkan hukuman mati sehingga 30-9-1987 dan bilangan yang telah dihukum gantung sehingga tarikh tersebut;
- (iii) bilangan penagih dadah yang telah dikenalpasti dalam Pasukan Tentera, Polis dan Perkhidmatan Awam sehingga 30-9-1987 dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka;
- (iv) bilangan rakyat Malaysia yang telah ditahan di seberang laut berhubung dengan kesalahan dadah sehingga 30-9-1987; dan
- (v) apakah tindakan Kerajaan telah ambil untuk menambah peruntukan kewangan kepada badan-badan sukarela seperti PEMADAM bagi memerangi penyalahgunaan dadah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Yang di-Pertua, kempen anti dadah yang dilancarkan oleh Kerajaan sejak tahun 1983 telah memberikan kesan yang positif seperti berikut:

- (i) bekalan heroin semakin berkurangan, sukar didapati, mahal dan ketulenannya telah menurun;
- (ii) wujudnya kesedaran yang tinggi di kalangan masyarakat mengenai bahaya-bahaya dadah;
- (iii) berkurangnya penagih yang dikesan bagi kali pertama walaupun operasi-operasi penguatkuasaan terhadap penagih dadah terus dipergiat dan dipertingkatkan sejak tahun 1983;
- (iv) melalui penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan dadah didapati sindiket-sindiket dadah antara-bangsa mula mengelakkan diri dari menggunakan sebagai negara perantaraan dalam pendedaran dadah; dan
- (v) kesungguhan negara kita menentang ancaman dadah telah menarik perhatian masyarakat antarabangsa di mana beberapa buah negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom dan agensi-agensi dadah antara-bangsa seperti UNFDAC (United Nations Fund for Drug Abuse Control), ILO (International Labour Organisation), dengan izin, dan Program Nasihat Dadah Biro Rancangan Colombo telah memberi bantuan dalam pelbagai bidang seperti latihan, bekalan peralatan dan lain-lain bantuan kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir lanjut yang diminta oleh Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (i) sejak tahun 1970 hingga 31-8-1987 seramai 125,967 penagih dadah telah dikesan yang mana dari jumlah tersebut seramai 925 orang adalah anggota tentera, 536 orang anggota polis dan 1,248 orang adalah kakitangan perkhidmatan awam;
- (ii) tindakan yang diambil ke atas anggota polis dan tentera yang menagih dadah ialah buang kerja. Sementara penagih-penagih dalam perkhidmatan awam pula tindakan yang diambil adalah seperti berikut:
  - (a) bagi pegawai dan kakitangan dalam percubaan bagi lantikan pertama akan ditamatkan mereka di bawah Perintah Am 58, Perintah Am Bab A (Lantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973;
  - (b) bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah disahkan dalam jawatan yang memohon secara sukarela untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan boleh diberi cuti separuh gaji selama mereka berada di pusat tersebut dengan syarat rawatan tersebut adalah buat kali pertama. Walau bagaimanapun mereka yang diperintahkan oleh Mahkamah supaya dirawat di pusat pemulihan hanya akan diberi cuti tanpa gaji dan tidak akan diberi

kenaikan gaji selama tempoh rawatan tersebut; dan

- (c) pegawai dan kakitangan Kerajaan yang terlibat dengan penagihan kali kedua, atau yang tidak mematuhi peraturan-peraturan pemulihan, akan diambil tindakan tatatertib untuk tujuan dibuat kerja.
- (iii) sehingga 31-8-1987 seramai 167 pengedar dadah telah dijatuhkan hukuman mati dan dari jumlah tersebut seramai 51 orang telah menjalani hukuman gantung;
- (iv) sejak tahun 1975 sehingga bulan September 1987 seramai 4,578 orang rakyat Malaysia telah ditangkap di luar negeri kerana kegiatan mengedar dadah;
- (v) sejak tahun 1977 Kerajaan Persekutuan telah menyumbangkan sebanyak \$100,000.00 setahun kepada PEMADAM bagi melaksanakan program-programnya. Di samping itu Kerajaan-kerajaan negeri juga ada memberi sumbangan kewangan kepada persatuan tersebut selain dari menyediakan ruang-ruang di bangunan-bangunan Kerajaan untuk dijadikan pejabat PEMADAM sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri.

**Tuan Zubir bin Embong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Melihat kepada bilangan penagih dadah yang berjumlah lebih kurang 125,000 orang sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan dianggarkan bahawa untuk seorang yang didaftarkan sebagai penagih dadah ada 3 lagi yang tidak didaftarkan sebagai penagih

dadah, menjadikan lebih kurang 400,000 orang. Melihat kepada bilangan yang sebegitu ramai tentulah ia merupakan satu perkara yang serius, perkara yang boleh mengancam keselamatan negara. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Kerajaan mempunyai satu cadangan untuk meluluskan satu undang-undang untuk menangkap pengedar-pengedar dadah yang mana kalau ianya didakwa di mahkamah secara terbuka, tidak mungkin dapat ia dibuktikan kerana, dengan izin, technicalities yang begitu rupa semasa perbicaraan ataupun apakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) untuk menangkap pengedar dadah tadi tanpa bicara, memandangkan ancaman najis dadah terhadap negara begitu serius?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau sekiranya seseorang itu disyaki mengedar dadah dan bukti-bukti yang tidak cukup untuk dibawa ke mahkamah tidak boleh diperolehi, memang ada undang-undang yang diperuntukkan yang membenarkan kebijaksanaan Menteri Dalam Negeri untuk menentukan di manakah patut mereka ini dihantar dan kita ada mempunyai tiga tempat yang boleh kita hantar mereka itu iaitu di Muar sebagai Kelas 1, Pulau Jerejak, Kelas 2 dan di Batu Gajah, Kelas 3.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan, adakah cadangan Kerajaan atau Kementerian Dalam Negeri untuk menambahkan peruntukan kepada kegiatan PEMADAM kerana dengan peruntukan yang diberikan sekadar ini terlalu rendah dan kegiatan PEMADAM semakin hebat di daerah-daerah dan negeri. Apakah tidak adanya rancangan yang boleh

menambahkan peruntukan kepada pertubuhan PEMADAM ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya selaku Pengerusi PEMADAM memang mengalu-alukan cadangan tersebut dan kalau ada belas kasihan kepada PEMADAM tolonglah bangkitkan dalam Dewan ini.

### SEKOLAH BERASRAMA PENUH BAGI PELAJAR MISKIN

**10. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah beliau bercadang untuk mendirikan asrama penuh untuk pelajar yang terlalu miskin tanpa mengira keturunannya Melayu, Cina dan India. Adakah Kementerian telah mengenal pasti mengenainya. Bagaimana cara pemilihannya.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa dasar Kementerian Pendidikan yang ada berhubung dengan sekolah-sekolah asrama penuh sekarang ini pun memang menekankan kedudukan dan kepentingan pelajar-pelajar miskin. Di antara ukuran yang utama yang digunakan selain dari kelayakan akademik ialah kedudukan sosio-ekonomi keluarga atau ibubapa anak-anak atau pelajar-pelajar tersebut. Walau bagaimanapun, setelah diteliti, majoriti pelajar-pelajar miskin memang mendapat tempat tetapi ianya kurang memuaskan kerana pelajar-pelajar yang dianggap paling miskin, dengan izin, hard core poverty group itu tidak mendapat kesempatan lantaran keputusan peperiksaan mereka lazimnya tidak begitu cemerlang. Maka mulai tahun 1988 ini kita telah memilih Sekolah Menengah Sains Selangor di Cheras sebagai satu sekolah asrama penuh yang dihaskan bagi pelajar-pelajar yang paling miskin

di sesuatu daerah dan yang paling miskin dari semua kaum dan juga dari semua negeri termasuk Semenanjung Sabah dan Sarawak akan dimasukkan dalam projek ataupun sekolah asrama penuh mulai tahun hadapan.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Menteri Pendidikan, di dalam sekolah yang berasrama yang diadakan di Cheras itu berapakah bilangan murid-murid keturunan kaum India, khasnya daripada sekolah-sekolah yang berasal daripada estet-estet dan perladangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal macam itu sudah lama tak dibenarkan.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada menjadi satu dasar bahawa nisbah penuntut-penuntut luar bandar dengan penuntut bandar di sekolah asrama itu ialah 70 berbanding dengan 30. Kalau itu satu dasar, sudahkah dasar itu dicapai?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kepentingan di sekolah-sekolah asrama penuh yang mahu kita pertahankan ialah kepentingan pelajar-pelajar yang paling miskin sama ada di luar bandar atau di bandar ataupun mana-mana kaum juga. Oleh yang demikian, soal nisbah bandar/desa tidak timbul.

### SIARAN RTM DAN TV3—KAWALAN

**11. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh manakah kuasa mengawasi Menteri Penerangan Malaysia ke atas TV3 kerana terdapat perbezaan-perbezaan yang jauh di antara TV3 dan TV Malaysia dari segi filem-filem yang ditayangkan.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini Menteri

Penerangan hanya mempunyai kawalan secara pentadbiran sahaja ke atas rancangan-rancangan yang disiarkan melalui TV3 dan sesuai dengan ministerial function order, dengan izin. Melalui pengalaman, kuasa sedemikian tidak begitu memuaskan. Segala arahan-arahan yang dimajukan kepada TV3 selama ini bergantung kepada kemahuan pihak stesen tersebut untuk mematuhiya ataupun tidak. Namun begitu adalah dimaklumkan bahawa satu Rang Undang-undang baru yang khusus mengenai kawalan terhadap bahan-bahan siaran sedang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Adalah diharapkan dengan wujudnya undang-undang ini maka Menteri Penerangan akan mempunyai kuasa yang khusus terhadap bahan-bahan siaran yang disiarkan oleh semua stesen-stesen penyiaran swasta termasuk TV3.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa siaran TV3 dari segi filem-filem yang ditayangkan adalah lebih baik kalau dibandingkan dengan RTM. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang untuk berlumba-lumba untuk menandingi TV3 daripada mengadakan undang-undang untuk menyekat TV3.

Yang kedua, ia mungkin tak masuk, tetapi saya hendak bertanya juga. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau tak masuk tak boleh tanyalah. *(Ketawa)*

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Mungkin boleh Tuan Yang di-Pertua pertimbangkan. Mengapa Yang Berhormat keluaran arahan supaya siaran TV cuma dihadkan di bawah pukul 12.00. Saya ingat siaran TV ini untuk semua pihak, bukan pihak-pihak tertentu. Ada orang yang perlu tengok TV sampai pukul 1.00 dan seterusnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh dibenarkan yang itu. *(Ketawa)*

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak banyak atau tidak semua orang yang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Arau sebab daripada apa yang kita sendiri tahu ada yang mengatakan ataupun banyak yang mengatakan rancangan-rancangan RTM baik dan tidak banyak pula yang mengatakan rancangan tidak baik. Walaupun saya akui ada pandangan-pandangan daripada penonton bahawa rancangan-rancangan TV3 pun baik, tetapi kalau ada yang mengatakan TV3 itu baik, saya rasa tidak seluruh rakyat di negara ini mengatakan demikian kerana TV3 belum lagi meliputi ke seluruh negara, tetapi dari segi RTM kita sudah meliputi ke seluruh negara. Jadi, kalau ada pun pandangan daripada rakyat mengenai rancangan-rancangan RTM ini yang baiknya tetap baik.

Namun begitu, untuk makluman Yang Berhormat dari Arau, usaha-usaha memperbaiki lagi akan terus dibuat tetapi untuk menerima pandangan Yang Berhormat bahawa kalau dapat keluaran filem-filem yang baik maka tak payah undang-undang ini, ini satu hal yang saya fikir saya tak dapat hendak menerima. Undang-undang tetap perlu kerana kawalan bagi mana-mana badan penyiaran seperti di Malaysia ini disebabkan perkembangan industri dia sendiri merupakan suatu perkara yang amat perlu sekali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kedua, keputusan yang dibuat oleh Kementerian adalah keputusan yang berasaskan kepada reaksi-reaksi rakyat ramai, walaupun ada setengah orang suka tengok TV 24 jam, tetapi ada juga yang tidak suka. TV itu mengganggu ketenteraman rumah-tangga sehingga jauh lebih malam. Malahan kalau hendak saya

maklumkan bahawa orang Amerika sendiri merasakan bahawa TV sebagai, dengan izin, satu idiot box atau satu kotak yang menimbulkan banyak masalah. Mereka sudah mulai merasakan perlu dikawal tentang siaran televisyen. Itu bagi orang Amerika yang sudah biasa tengok TV 24 jam sehari. Di London pun begitu, di Eropah pun begitu dan bagi kita atas asas-asas tertentu, lebih-lebih lagi dari segi hendak meningkatkan produktiviti, kita merasakan perlu dengan adanya tiga network pada hari ini iaitu RTM 1, RTM 2 dan TV3. Kita rasakan bahawa kita perlu menentukan bahawa rakyat kita ini tidak terlalu asyik sangat menengok televisyen sehingga mereka melupakan tugas membangun negara, terutama dari segi meningkatkan produktiviti.

### UNIT KHAS JENAYAH

**12. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada tindakan-tindakan yang berkesan seperti menubuhkan satu "Unit Khas Jenayah" (Special Commercial Crime Unit) yang terdiri dari ahli pakar untuk memerangi dan membawa mereka yang bersalah ke mahkamah demi mempertahankan kepentingan dan taraf etika yang tinggi di dalam sektor komersial dan bank memandangkan pada masa sekarang kes jenayah kolar putih semakin bertambah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Polis Diraja Malaysia ketika ini telah pun mempunyai "Unit Khas Jenayah". Unit ini telah ditubuhkan pada bulan Ogos, 1986 di peringkat ibu pejabat di Kuala Lumpur dan pada masa ini mempunyai anggota seramai 23 orang. Anggota unit ini adalah merupakan sebahagian dari 123 orang anggota di Cawangan Jenayah Perdagangan pada keseluruhannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

*(Soalan No. 13 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed.

*(Soalan No. 14 Y.B. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed tidak hadir).*

### KERETAPI TANAH MELAYU— KESELAMATAN

**15. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah untuk memulihkan kepercayaan orang ramai terhadap keselamatan perkhidmatan KTM dan apakah tindakan segera akan diambil untuk dikenalpasti dan membaiki keadaan keretakan "Thermit Weld" punca nahas di landasan keretapi tidak akan timbul lagi.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, bagi memulihkan kepercayaan orang ramai kepada Keretapi Tanah Melayu, KTM pertama sekali menentukan keselamatan landasan dengan sistem pemeriksaan yang dijalankan oleh beberapa peringkat kakitangan dan pegawai pada masa-masa yang ditetapkan iaitu seperti berikut:

1. Mengawasi keadaan amnya;
2. Pemeriksaan peralatan seperti kayu landasan, pengikat landasan dan rel;
3. Mengawasi parameter landasan.

Bagi mengawasi keadaan am landasan, pemeriksaan berikut pula dilaksanakan:

- (1) pemeriksaan berjalan kaki oleh kakitangan keretapi tiap-tiap hari;

- (2) pemeriksaan tiap-tiap minggu dengan menaiki teroli oleh Merinyu Urusan Jalan; dan
- (3) pemeriksaan dua minggu sekali dengan teroli oleh Ketua Merinyu Urusan Jalan.

Pemeriksaan tersebut adalah yang minima. Di samping itu, merinyu-merinyu Urusan Jalan adalah diarah memeriksa landasan dalam seluruh seksinya dengan berjalan kaki sekali sebulan.

Mengikut keadaan cuaca, rondaan tambahan juga dijalankan untuk memastikan landasannya adalah selamat bagi perjalanan tren-tren. Pemeriksaan berjadual peralatan landasan seperti kayu landasan, pengikat landasan dan rel akan dilaksanakan sepanjang tahun bagi menentukan peralatan landasan yang perlu diganti dibuat penggantian dengan serta merta dan perancangan penggantian peralatan yang lain juga dibuat untuk menentukan seluruh landasan berada dalam keadaan yang sempurna.

Untuk mengawasi gometri landasan, sebuah kereta khas yang merekodkan gometri landasan dijadualkan dijalankan di keseluruhan rangkaian keretapi dalam tempoh satu kali tiap-tiap 3 bulan. Kereta ini menggunakan sistem komputer untuk mengenalpastikan mana-mana tempat landasan yang kurang memuaskan yang perlu dibaiki sebelum keadaan landasannya merosot. Di samping itu, bacaan yang terdapat dari kereta itu akan digunakan untuk merancang kerja penyelenggaraan landasan pada tahun hadapannya. Dengan adanya sistem pemeriksaan dan pengawasan yang dinyatakan di atas, maka pihak KTM boleh menentukan tren-tren akan dijalankan dengan selamat, selesa dan cepat.

Pihak KTM sedang membuat persediaan untuk memperolehi sebuah Ultrasonic Flaw Detector bagi

mengenalpasti keretakan Thermit Welded di sepanjang landasan. Di samping itu KTM juga bercadang membeli sebuah mesin rail rectifier grinder.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah umur landasan keretapi yang ada sekarang dan berapakah umur kegunaan bagi sesuatu landasan keretapi berdasarkan perbandingan dengan negara-negara lain?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, detail macam itu tidak ada pada saya sekarang, sebab soalan asalnya tidak berkaitan seperti itu. Kalau Yang Berhormat hendak, saya minta notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping mengucapkan syabas kepada KTM atas perkhidmatan yang bertambah baik saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada KTM akan menjalankan kerja-kerja untuk meningkatkan taraf landasan yang berada sekarang terutama sekali sektor dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja itu memang sedang dijalankan dan sebahagian daripadanya dalam proses iaitu dari Tumpat ke Sungai Yu dan sektor-sektor lain akan diteruskan.

## KES ROGOL

**16. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan selain dari menjalankan siasatan polis ke atas

kes-kes rogol, liwat dan membunuh, apakah di antara lain-lain ikhtiar yang sedang dibuat oleh Kerajaan untuk mengatasi jenayah yang keji ini. Apakah peratusan perogol merogol lagi apabila dibebaskan dari penjara berbanding dengan kadar perulangan jenayah merompak di kalangan perompak. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengetatkan lagi undang-undang melindungi kaum perempuan dari jenayah yang buas ini. Jika ada, apakah perubahan-perubahan yang sedang dipertimbangkan. Pihak yang manakah yang telah dihubungi untuk mendapatkan pandangan mereka. Jika belum mengambil tindakan atau Kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian, mengapa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12hb Oktober, 1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

*(Soalan No. 17 Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir).*

#### PENGGAJIAN PEKERJA ASING—MAJIKAN DIDAKWA

**18. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Buruh menyatakan jumlah majikan yang telah dihadapkan ke Mahkamah kerana mengambil bekerja pendaatang-pendatang haram sebagai pekerja dalam ladang-ladang, kawasan pembinaan perumahan dan kilang-kilang serta jumlah majikan yang didapati bersalah dalam tahun 1982, 1983, 1984, 1985, 1986 dan pertengahan tahun 1987.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah majikan yang didakwa dan didapati bersalah atas kesalahan di bawah Akta Sekatan Kerja 1968 kerana menggaji bukan warganegara dalam tahun 1982 hingga Jun 1987 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Majikan Yang Didakwa dan Didapati Bersalah
1982 ..	12
1983 ..	16
1984 ..	6
1985 ..	16
1986 ..	47
Sehingga Jun 1987	9

Kes-kes pendakwaan yang dinyatakan ini adalah merupakan kes-kes penggajian orang-orang bukan warganegara termasuk pekerja-pekerja asing yang memasuki Malaysia untuk bekerja tanpa kelulusan Kerajaan di semua sektor di seluruh negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Ali.

*(Soalan No. 19 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

*(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).*

#### PUSAT PEMULIHAN AKHLAK PULAU JEREJAK

**21. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah sementara dan langkah jangka panjang yang telah diambil bagi mengatasi masalah yang dialami oleh saudara mara tahanan-tahanan dan kakitangan-kakitangan Pusat Pemulihan Akhlak, Pulau Jerejak di atas penutupan jeti di Gelugor, Pulau Pinang.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak berkuasa Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak telah menggunakan jeti Lembaga Lebuhraya Malaysia sebagai langkah sementara bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh saudara mara orang tahanan dan kakitangan Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak setelah Jeti Gelugor ditutup pada 1-9-1987. Penggunaan jeti Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak mendatangkan apa-apa masalah kepada mana-mana pihak kerana jeti tersebut sesuai digunakan dan perjalanan bot hanya mengambil masa 10 minit sahaja.

Mengenai langkah jangka panjang, Kerajaan bercadang untuk membina sebuah jeti baru berharga \$1.5 juta berhampiran Jeti Gelugor yang lama.

## RANCANGAN AGAMA DI RTM

**22. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Penerangan menjelaskan sejauh manakah program agama di RTM dapat mempertingkatkan nilai-nilai agama di kalangan rakyat umum dan dapat mencapai matlamat Kerajaan di dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam.

**Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penyiaran melalui Radio dan TV menyiarkan rancangan agama pada tiap-tiap hari menerusi berbagai-bagai rancangan. Antara rancangan-rancangan itu ialah yang berbentuk syarahan-syarahan terus, perbincangan-perbincangan agama, penyiaran ayat-ayat suci dari Al-Quran dan Hadis yang diberikan penterjemahannya dan lain-lain. Syarahan-syarahan dan perbincangan-perbincangan agama itu dikendalikan oleh ulama-ulama dan pemimpin-pemimpin agama yang bertaualiah dari

institusi-institusi agama, pusat-pusat pengajian tinggi dan lain-lain tokoh-tokoh yang berwibawa.

Sejauh mana rancangan-rancangan ini telah dapat mempertingkatkan nilai agama di kalangan rakyat umum dan mencapai matlamat penerapan nilai-nilai Islam adalah sukar untuk dipastikan secara tegas. Kekesanan pengaruh agama terhadap seseorang hanya akan dapat ditentukan dengan menilai peribadi dan perwatakan orang itu pada keseluruhannya. Ia akan ternyata dari perubahan-perubahan sikap dan nilai-nilai yang dapat mempengaruhi seluruh tabie dan pandangan hidupnya. Jika perkara ini sukar dilakukan bagi seseorang insan penilaian itu adalah lebih sukar bagi rakyat keseluruhannya. Walau bagaimanapun kesan-kesannya secara umum adalah jelas. Nilai-nilai agama yang hendak diterapkan adalah juga merupakan nilai-nilai hidup dan nilai-nilai kebudayaan kebangsaan yang hendak dimajukan. Oleh itu sebarang nilai-nilai murni yang ternyata dari kehidupan masyarakat Islam pada hari ini tidak boleh dinafikan, sebanyak sedikit ada kesannya dari pengaruh penyebaran ajaran agama melalui radio dan T.V.

Kementerian Penerangan yakin bahawa penyebaran ajaran Agama Islam itu perlu diterus dan ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar diperkatakan oleh ramai bahawa siaran agama yang disiarkan oleh RTM itu tidak memberi kesan, hanya memakan lebih kurang ½ jam, tetapi selepas daripada rancangan agama itu dimasuki satu rancangan lain, misalnya "Hiburan Minggu Ini", "Hiburan Malam Minggu", yang mana menenggelamkan rancangan ½ jam

itu. Jadi usaha-usaha yang dijalankan oleh RTM jika itulah anggapan yang benar, yang dijalankan oleh RTM merupakan satu usaha yang sia-sia sahaja, yang tidak memberi apa-apa kesan kepada masyarakat.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju kalau hendak dikatakan bahawa program-program agama yang disiarkan melalui rancangan-rancangan televisyen kita tidak memberi kesan langsung. Kita boleh lihat keberkesanan itu dari segi sikap dan juga dari segi perbuahan orang ramai dan juga yang paling ketara, paling jelas bagi kita dan Kementerian, ialah kita menerima surat-surat daripada orang ramai yang menanda dan menunjukkan keberkesanan daripada beberapa program yang kita siarkan melalui rancangan-rancangan kita.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya semalam Yang Berhormat kata tidak puas hati tentang rancangan-rancangan keagamaan yang disiarkan melalui RTM, tetapi hari ini Yang Berhormat baca jawapan menyatakan bahawa beliau berpuas hati. *(Ketawa)*

Saya mengucapkan tahniah mengenai rancangan agama yang diadakan, cuma saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat bercadang hendak mengadakan "Hiburan Malam Minggu" yang bercorak keagamaan *(Ketawa)* termasuk juga drama-drama yang bercorak keagamaan.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau yang menimbulkan soalan yang seumpama ini. Sebenarnya apa yang saya timbulkan semalam hasil daripada soalan Yang Berhormat juga yang menanyakan, adakah saya puas hati dengan segala program agama yang ada di televisyen. Secara

sungguh-sungguhnya saya tegaskan di sini, memang belum puas hati dan di atas tidak puas hati itulah kita bergerak, kita bekerja dan kita sentiasa menerima pandangan-pandangan umum ke arah meningkat dan ke arah memperbaiki program-program agama yang ada hari ini.

Mengenai Hiburan Malam Minggu itu, saya fikir Yang Berhormat sendiri pun tahu, apakah sebenarnya daripada rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan itu. Tetapi walau bagaimanapun usaha kita apa sahaja bentuk rancangan sama ada hiburan kita selit juga nilai-nilai positif bagi tujuan peningkatan dan pembangunan rakyat negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13, 14, 17, 19, 20 dan 23 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).*

## PROMOSI PELANCONGAN

**13. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menerangkan apakah bentuk bantuan-bantuan yang dapat diberikan oleh Kementerian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, agen-agen perjalanan dan badan-badan promisi pelancongan di dalam mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan dan memperkembangkan kemajuan bidang pelancongan di negara ini.

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Kementerian telah dan akan terus memberikan bantuan tertentu demi memastikan peningkatan mutu perkhidmatan dan perkembangan industri pelancongan di negara ini.

Bantuan yang boleh dipertimbangkan adalah melalui aktiviti-aktiviti berikut:

### 1. Aktiviti Pemasaran

Melalui aktiviti pemasaran, Kerajaan pusat menyediakan khidmat nasihat teknikal dan kemudahan-kemudahan, bahan penggalakan. Ini termasuklah:

- (a) Khidmat nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, agen-agen perjalanan dan badan-badan promosi berdasarkan hasil kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian;
- (b) Membantu menyediakan dan mengedarkan risalah-risalah pelancongan mengenai negeri-negeri tertentu;
- (c) Menganjurkan lawatan promosi pelancongan dan penyertaan di dalam pameran-pameran pelancongan di pasaran-pasaran penting di mana wakil-wakil Kerajaan Negeri serta agen-agen perjalanan dijemput hadir bersama;
- (d) Menganjurkan bersama hotel-hotel tempatan dan Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk mengadakan penggalakan-penggalakan seperti Pesta Kebudayaan dan Makanan di luar negeri bagi memperkenalkan Malaysia pada amnya dengan tumpuan istimewa diberikan kepada tarikan-tarikan negeri penganjur bersama; dan
- (e) Mendapatkan publisiti untuk destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia

melalui keraian para wartawan dan rombongan perfileman dari luar negeri.

### 2. Pembangunan Produk Pelancongan

Memberi khidmat nasihat untuk membangunkan dan meningkatkan produk-produk pelancongan di samping menyelaras perkembangan industri pelancongan. Selain dari itu Kementerian akan membantu dalam mengenalpasti "satellite attractions" supaya Kerajaan Negeri dapat mengeluarkan bahan-bahan penerangan mengenai tarikan-tarikan tersebut.

### 3. Latihan Tenaga Manusia

Menganjurkan kursus-kursus seperti:

- (i) Kursus Pemandu Pelancong.
- (ii) Kursus Persediaan Program Diploma IATA/UFTAA.
- (iii) Kursus Pelancongan untuk Polis Pelancongan Negeri dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan.
- (iv) Kursus kesedaran sivik dan kesopanan kepada mereka yang terlibat dengan industri pelancongan seperti Penyambut Tetamu dan Pemandu Teksi.
- (v) Seminar/Taklimat mengenai Industri Pelancongan kepada orang Awam.

Semenjak tahun 1972 sehingga tahun 1986, TDC telah menganjurkan sebanyak 48 kursus pemandu pelancongan dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

## PELABURAN DARI BRITAIN, HUNGARY DAN RUSSIA

**14. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah dan berapa jenis pelaburan yang telah mula datang ke negara ini hasil daripada lawatan dan kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama Menteri yang berkenaan dalam Rangka Lawatan Rasmi serta menarik pelabur daripada ketiga-tiga negara yang dilawati iaitu Great Britain, Hungary dan juga Russia. Nyatakan apakah pula jenis barangan yang ditawarkan oleh ketiga-tiga buah negara bagi dipasarkan atau yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Soalan bahagian satu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kawasan Kuala Krai pada 3-11-1987 dan Yang Berhormat dari Kawasan Sik pada 10-11-1987 telah pun dijawab pada 12-10-1987 bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kawasan Hulu Selangor yang mempunyai maksud yang sama.

Walau bagaimanapun, saya akan memaklumkan Yang Berhormat mengenai soalan bahagian kedua, di mana barang-barang yang ditawarkan oleh ketiga-tiga negara adalah seperti berikut:

Fabrik, kain, alat-alat porselin untuk hotel, injin keretapi, "bogies", railbas, tekstil, seramik, barang makanan, baja, pakaian wanita, switchgears, transformer, kapas, kertas, batu marmar dan ubin, kaca, peralatan pembinaan, jentera dan alat-alat ganti jentera dan kain sutera.

## FILEM LUCAH

**17. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk melawan peningkatan bahan-bahan lucah di negara dengan secara langsung menyebabkan peningkatan jenayah-jenayah seks. Adakah Kerajaan bercadang meminda undang-undang yang sedia ada berkaitan bahan-bahan lucah untuk menyelesaikan masalah ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan untuk mencegah kemasukan bahan-bahan penerbitan dan filem-filem lucah ke negara ini dan juga mencegah pengedaran bahan-bahan ini kepada orang ramai. Untuk tujuan itu, Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan serbuan-serbuan dan tangkapan ke atas tuan-tuan punya kedai dan orang-orang yang disyaki terlibat dalam pengedaran bahan lucah itu. Selain daripada usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri, adalah juga menjadi tanggungjawab orang ramai untuk memberi maklumat mengenai orang-orang yang terlibat dengan kegiatan mengedarkan bahan-bahan penerbitan yang lucah itu. Maklumat-maklumat orang ramai itu akan dapat membantu pihak Kerajaan bagi membanteraskan pengedaran bahan-bahan lucah itu. Orang ramai sepatutnya memandang jijik bahan-bahan lucah itu dan menjauhkan diri darinya.

Pada masa ini, pengedaran dan penjualan secara haram bahan-bahan penerbitan lucah tidak menjadi satu masalah besar dan ianya boleh dikawal oleh Kementerian Dalam Negeri. Maklumat Polis menunjukkan bahawa kes-kes jenayah seks yang dilaporkan tidak berpunca daripada bahan-bahan lucah yang terdapat di negara ini. Oleh yang demikian, Kementerian tidak bercadang untuk meminda undang-undang yang sedia ada juga mengawal

kemasukan, pengedaran dan penjualan bahan-bahan lucuh. Selain daripada itu, Kementerian Dalam Negeri berpendapat bahawa undang-undang yang ada sekarang adalah mencukupi dan berkesan untuk mengawal bahan-bahan lucuh yang dijual dan diedarkan secara haram di negara ini.

*(Soalan No. 19. Sila lihat jawapan No. 11 pada 12-10-87).*

### PELABURAN BRITISH

**20. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan ciri cakap-cakap di kalangan ahli-ahli perniagaan di Malaysia dan Britain mengenai rasuah yang menyebabkan pelabur-pelabur British tidak mahu melabur di Malaysia dan apakah kejayaan yang Kerajaan telah mencapai dalam tempoh dua bulan kebelakangan ini untuk mengatasi cakap-cakap seumpama itu serta mendapatkan pelaburan British.

**Tuan M. G. Pandithan:** Percakapan-percakapan di kalangan pihak-pihak tertentu tentang perkara-perkara seperti rasuah memang ada dilaporkan kepada Kerajaan semasa rombongan Malaysia melawat Britain dalam bulan Julai, 1987. Tetapi juga ditekankan bahawa ini adalah cerita-cerita tidak berasas yang telah dibawa dari mulut ke mulut. Tidak langsung timbul soal pelabur-pelabur British enggan melabur di Malaysia kerana cakap-cakap tersebut, oleh kerana mereka yang mengetahui keadaan sebenar tidak mempercayainya. Penjelasan-penjelasan telah pun dibuat kepada pelabur-pelabur dan mereka telah menerimanya memandangkan meningkatnya minat pelabur-pelabur British untuk membawa pelaburan ke negara ini. Bahkan semasa seminar pelaburan yang diadakan pada bulan Oktober

baru-baru ini, perkara seperti cakap-cakap itu telah tidak langsung ditimbulkan.

Untuk terus menggalakkan kemasukan pelaburan British dan juga daripada lain-lain negara, Kerajaan telah memperkenalkan dan mengumumkan beberapa kelonggaran ke atas polisi-polisi pelaburan yang sedia ada di Malaysia serta memperkenalkan beberapa galakan-galakan yang baru.

Kerajaan juga telah, sedang dan akan terus mengadakan lawatan dan rombongan pelaburan keluar negeri, termasuk ke Britain untuk menerangkan keadaan iklim pelaburan di negara ini. Inilah tujuan rombongan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian ke Britain. Kesan dari lawatan ini tidak dapat dinilai di dalam masa yang singkat. Biasanya sesuatu keputusan muktamad memerlukan tempoh 1-3 tahun.

Walaupun bagaimanapun, indikasi awal hasil dari lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Britain tiga bulan yang lalu, telah menghasilkan cadangan dari 8 syarikat utama British untuk melabur di dalam projek-projek industri seperti "sawmilling equipment, power generator, rubber gloves, military hardware, irradiation plant, dan peroxides" dan sebagainya. Projek-projek "irradiation plant" dan "peroxides" sahaja jika dilaksanakan nanti akan melibatkan modal pelaburan bernilai M\$64.4 juta.

### HUBUNGAN MALAYSIA-BRITAIN

**23. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat ini apakah kesan-kesan yang efektif tentang hubungan Malaysia dengan Britain

selepas lawatan Perdana Menteri baru-baru ini dan menggugurkan "Buy British Last". Bagaimanakah suasana pelaburan yang dicapai dalam hal yang demikian dan bagaimana pula sikap British tentang pengguguran "Buy British Last" positif atau negatif.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Saya telah pun memberikan jawapan yang menyeluruh berhubung dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Britain pada 12hb September yang lalu.

Sepertimana yang telah saya nyatakan dahulu, lawatan ini telah memberikan peluang kepada kedua-dua pihak untuk bertukar-tukar pendapat dan membincangkan isu-isu antarabangsa/dua hala dengan secara yang lebih menyeluruh, di samping membolehkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menemui dan berbincang dengan usahawan-usahawan dan pelabur-pelabur British. Buat masa ini adalah dirasakan terlalu awal bagi kita untuk mengukur dengan secara konkrit sejauh mana kejayaan atau kesan-kesan efektif tentang hubungan Malaysia dengan Britain ekoran dari lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu.

Walau bagaimanapun, saya berasa yakin bahawa lawatan tersebut serta pengguguran dasar "Buy British Last" telah dapat mengujudkan suasana pelaburan yang bertambah baik. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa lawatan yang telah dibuat oleh pelabur-pelabur British ke Malaysia baru-baru ini. Pihak British nampaknya telah menerima pengguguran dasar tersebut dengan baik dan telah berusaha untuk mempertingkatkan lagi hubungan kerjasama dua hala dengan Malaysia.

## LEMBAGA LETRIK NEGARA DAN PERKHIDMATAN POS— PENSWASTAAN

**24. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah motif yang mendorong pihak Kerajaan di dalam kecenderungannya untuk menimbangankan cadangan mengswastakan Lembaga Letrik Negara dan Perkhidmatan Pos. Adakah dijangka bahawa kedua-dua perkhidmatan itu akan mengalami kerugian ataupun sekarang ini sedang menghadapi kerumitan masakini yang memerlukan diambil langkah pengswastaaan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Sememangnya Lembaga Letrik Negara (LLN) tidak mengalami kerugian pada masa sekarang dan Kementerian menjangkakan ia tidak akan mengalami kerugian pada tahun hadapan; namun demikian ini tidak bermakna bahawa hanya kriteria pnghapusan kerugian sahaja yang dipegang oleh Kerajaan semasa mempertimbangkan cadangan pengswastaaan sesuatu badan/perkhidmatan kerana sepertimana yang kita tersedia maklum, objektif-objektif utama di dalam panduan pengswastaaan Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) meringankan beban kewangan Kerajaan;
- (ii) menggalakkan persaingan, menaikkan taraf kecekapan dan daya pengeluaran;
- (iii) mempercepatkan pertumbuhan;
- (iv) mengurangkan saiz dan kewujudan sektor awam di dalam ekonomi;
- (v) mempertingkatkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan negara.

Bagi Jabatan Perkhidmatan Pos pula kita telah mengamalkan Akaun Perdagangan (Commercial Accounting) mulai 1-1-1985. Dalam tahun 1985, ianya berjaya memperolehi hasil keuntungan sebanyak \$21,046,854. Jabatan Pos tidak terkecuali daripada kemelesetan ekonomi dunia. Oleh itu hasil keuntungannya pada tahun 1986 ialah \$15,512,013, dan dijangka bagi tahun 1987 \$12,596,000. Anggaran hasil keuntungan bagi tahun 1988 pula ialah \$7,235,000.

Pengswastaan Jabatan Perkhidmatan Pos kita ketika ini adalah di peringkat cadangan dan kajian dan ianya terlalu awal untuk menentukannya.

### KES ROGOL

**25. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kes rogol yang dilaporkan kepada polis untuk tahun-tahun mulai 1980 hingga 1986 dan tempoh sehingga 30-9-1987;
- (b) berapa banyak kes tersebut di atas yang melibatkan kanak-kanak;
- (c) berapa banyak kes yang melibatkan pembunuhan terhadap mangsa-mangsa rogol dan adakah semua perogol-pembunuh ini dapat dikesan; dan
- (d) sejauh mana kejayaan polis dalam menyelesaikan laporan-laporan kes rogol dalam beberapa tahun lalu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh polis untuk menambahkan kecekapannya dalam mengendalikannya kes-kes seumpama ini. Adakah Kerajaan akan meminda undang-undang mengenai rogol bagi memperuntukkan hukuman lebih berat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12-10-1987 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

### SLOGAN SETIA KEMENTERIAN PENERANGAN

**26. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Penerangan jelaskan sejauh mana slogan "SETIA" oleh Kementerian Penerangan masih dapat memberi kesan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian. Apakah slogan "SETIA" hanya dikhaskan kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Penerangan sahaja dan tidakkah Menteri bercadang supaya slogan "SETIA" ini diperkembangkan kepada Jabatan-jabatan lain, Jabatan-jabatan swasta dan rakyat keseluruhannya.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Seruan dan slogan "SETIA" yang sedang dikembangkan oleh Kementerian Penerangan adalah merupakan satu usaha untuk meningkatkan lagi kesedaran tanggungjawab pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian serta agensi-agensi di bawahnya terhadap kerja dan tuntutan tugas masing-masing. Ia juga bertujuan untuk menanam semangat setia berkhidmat dan berkorban untuk Raja, Negara, Bangsa dan Agama. Kesedaran dan semangat setia itu walaupun sudah ada perlu ditanamkan semula dari masa ke semasa supaya ia sentiasa hidup berkobar-kobar dan tidak menjadi lesu serta lumpuh. Kelesuan dan kelumpuhan semangat setia kepada Raja, Negara, Bangsa dan Agama itulah yang boleh menyebabkan sesebuah negara kehilangan tenaga dan semangat untuk terus berjuang mencari kemajuan dan pembangunan.

Oleh itu kempen yang dijalankan oleh Kementerian Penerangan bagi menghidup dan menggerakkan semua semangat Setia dalam menjalankan tugas sehari-hari adalah dipercayai sangat penting untuk diteruskan dan diperluaskan lagi supaya melibatkan semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan juga seluruh rakyat. Dalam zaman negara dan masyarakat menghadapi berbagai-bagai cabaran serta dugaan ini pengaruh-pengaruh yang tidak diingini amatlah senang untuk melemahkan semangat dan kesedaran tanggungjawab kepada Raja, Negara, Bangsa dan Agama itu. Pengaruh-pengaruh begitu boleh melemahkan masyarakat dan menggagalkan cita-cita bangsa terutamanya apabila masyarakat mula melupakan janji-janji setia mereka kepada bangsa dan negara dalam memburu kemajuan khususnya yang bercorak kebendaan. Kerana itulah kempen "SETIA" seperti yang dijalankan oleh Kementerian Penerangan adalah difikirkan sangat mustahak untuk terus diadakan dan diperhebatkan lagi dari semasa ke semasa untuk membanteras segala pengaruh-pengaruh yang tidak diingini itu melalui pembangunan, semangat kesedaran dan kesetiaan kepada perjuangan bangsa dan negara.

### FERI MALAYSIA

**27. Datuk Bernard Giluk Dompok** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah projek Feri Malaysia telah mencapai tujuan asalnya, iaitu memupuk integrasi nasional serta keuntungan atau kerugian setakat ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Projek Feri Malaysia telah diwujudkan untuk menyediakan satu bentuk pengangkutan alternatif dan tambahan kepada cara pengangkutan yang sedia ada di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak dan

sebaliknya. Dalam tempoh setahun operasi Feri Malaysia adalah sukar untuk ditentukan sejauh manakah matlamat integrasi nasional dapat dicapai kerana ianya bukanlah satu perkara yang dapat diukur dalam suatu jangkamasa yang pendek. Pencapaian matlamat tersebut memerlukan usaha yang berterusan dan ianya memakan masa yang panjang. Walau bagaimanapun, dengan adanya pengangkutan tambahan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak akan memudahkan rakyat kunjung mengunjung antara satu sama lain, melihat dan memahami adat resam antara kaum, berkenalan antara penumpang-penumpang melalui pelbagai aktiviti yang diaturkan di atas kapal. Secara tidak langsung, perkhidmatan Feri Malaysia dapat membuka saluran hubungan dan mengeratkan pertalian antara rakyat Malaysia di Semenanjung dengan mereka di Sabah dan Sarawak.

Dalam tahun pertama operasinya sehingga 31 Ogos, 1987, Feri Malaysia mengalami kerugian terkumpul sebanyak M\$2.8 juta. Pihak pengurusan Feri Malaysia sedang berusaha untuk mengurangkan kerugiannya di masa hadapan dengan usaha-usaha gigih untuk mempopularkan lagi perkhidmatan ini. Dalam hal ini, Kerajaan tidaklah menekan sangat matlamat keuntungan, yang lebih-lebih penting dari projek Feri Malaysia ini ialah semoga perkhidmatan ini dapat digunakan bagi mengeratkan hubungan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak ke arah pencapaian integrasi nasional.

### TERNAKAN BABI

**28. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah butir-butir cadangan memindah dan memusatkan kawasan-kawasan ternakan babi. Adakah Kementerian

sedar cadangan ini bukan akan menolong penternak babi, tetapi akan membawa lebih masalah lagi sebab tidaklah ada tempat yang cukup luas dan murah berhampiran perbandaran, dan juga tempat-tempat berhampiran perkampungan orang Islam tidak boleh digunakan. Apakah yang salah dengan perindustrian ternakan babi sekarang yang perlu cadangan pemindahan.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang mengaturkan program-program untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul dari industri ternakan babi dalam negara. Program-program ini selain daripada pengeluaran juga untuk mengurangkan sensitiviti kepada masyarakat tertentu.

Dalam hal ini Jabatan Haiwan sedang menyusun program-program di antaranya:

- mengadakan sistem kawalan pencemaran alam kawasan-kawasan tertentu;
- rancangan-rancangan memindahkan ladang-ladang babi ke kawasan-kawasan yang tertentu di mana pemodenan industri dan kawalan pencemaran boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Memang benar untuk mendapat tanah yang sesuai amatlah sukar tetapi walau bagaimanapun Kerajaan berusaha untuk mengenalpasti kawasan-kawasan untuk menempatkan ladang-ladang babi daripada kawasan-kawasan berhampiran dengan perbandaran ke kawasan-kawasan baru. Usaha-usaha ini adalah di dalam perhatian Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri-negeri bersama-sama dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

### TANGKAPAN DAN PENAHANAN BESAR-BESARAN

3.35 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi tujuan membincangkan satu perkara yang tertentu mengenai kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Usul saya adalah berbunyi:

“Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Mesyuarat 18 (1) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan bagi maksud merunding satu perkara tertentu mengenai kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu tangkapan dan penahanan secara besar-besaran tokoh-tokoh pelbagai parti politik, kumpulan-kumpulan pendesak awam dan pertubuhan-pertubuhan pendidikan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri mulai hari semalam.”

Dan setakat ini ahli-ahli DAP yang telah ditahan ialah:

Ketua Pembangkang Parlimen merangkap Setiausaha Agung DAP, Y.B. Tuan Lim Kit Siang.

Timbalan Pengerusi DAP merangkap Ahli Parlimen Jelutong, Y.B. Tuan Karpal Singh.

Timbalan Setiausaha Agung DAP merangkap Ahli Parlimen kawasan Ipoh, Y.B. P. Patto.

Timbalan Setiausaha Agung Organisasi DAP dan Ahli Parlimen kawasan Rasah, Y.B. Tuan Hu Sepang.

Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Y.B. Tuan Lim Guan Eng.

Ahli Parlimen kawasan Puchong,  
Y.B. Tuan V. David.

Ahli Dewan Undangan Negeri  
Melaka, Y.B. Tuan Kerk Kim Hock.

Pengerusi DAP Melaka merangkap  
Ahli Dewan Undangan Negeri  
Melaka, Y.B. Tuan Yau Siok Hwa.

Pengerusi DAP Johor merangkap  
Ahli Dewan Undangan Negeri Johor,  
Y.B. S. K. Soong.

Ahli Dewan Undangan Negeri  
Melaka, Y.B. Tuan Sim Thoong Kim.

Orang-orang yang ditahan daripada  
Kumpulan-kumpulan Pendesak dan  
Pertubuhan-pertubuhan Pendidikan  
termasuk:

Dr Chandra Muzaffar (Presiden  
ALIRAN).

K. K. Tan dari Persatuan  
Perlindungan Alam Sekitar Malaysia  
(EPSM).

Chee Heng Lim daripada  
Pergerakan Reformasi Sosial  
(INSAN).

Lim Fong Seng Pengerusi Lembaga  
Pengelola Sekolah-sekolah Cina  
Bersekutu dan lain-lain lagi.

"Bahawa perkara ini adalah  
tertentu mengenai kepentingan  
orang ramai yang perlu disegerakan  
kerana mereka yang ditahan itu  
adalah nasionalis dan rakyat  
patriotik Malaysia yang mempunyai  
ketaatsetiaan kepada negara yang  
tidak boleh diragui. Lantaran itu  
mereka yang ditahan itu ialah  
orang-orang yang mempercayai  
kepada perjuangan ala  
Perlembagaan serta kedaulatan  
undang-undang.

Bahawa Kerajaan dengan  
menggunakan Akta Keselamatan  
Dalam Negeri untuk menahan  
orang-orang itu telah  
menyalahgunakan Akta tersebut  
yang diperkenalkan semata-mata  
untuk menghadapi anasir-anasir  
yang subversif.

Bahawa penahanan orang-orang  
itu di bawah Akta Keselamatan  
Dalam Negeri melanggar hak  
asasi manusia seperti yang  
terkandung dalam Piagam Dunia  
mengenai hak-hak asasi Bangsa-  
bangsa Bersatu.

Perkara ini adalah mengenai  
kepentingan orang ramai kerana di  
antara mereka yang ditahan itu adalah  
10 orang Wakil Rakyat yang dipilih  
oleh rakyat dalam Pilihanraya Umum  
1986 dan penahanan mereka bersama-  
sama dengan tokoh-tokoh badan-  
badan pendesak awam dan  
pertubuhan-pertubuhan pendidikan  
seperti Dr Chandra Muzaffar dan  
Encik Lee Fong Seng dan lain-lain,  
bukan sahaja mencegah mereka  
daripada menjalankan tugas masing-  
masing tetapi juga memburukkan lagi  
keadaan yang tegang di negara ini.

Bahawa Kerajaan hendaklah  
bersikap adil dan tidak seharusnya  
menafikan hak membantah atau  
bertindak secara emosi dan sewenang-  
wenangnya. Kerajaan itu hendaklah  
mengambil ingatan akan kata-kata  
English yang berbunyi, "Those whom  
the gods wish to destroy they first  
make mad."

Bahawa Dewan ini hendaklah  
menyadari bahawa penahanan orang-  
orang yang tersebut merupakan satu  
pukulan hebat kepada demokrasi  
berparlimen dan hak asasi manusia.

Bahawa Dewan ini memutuskan  
supaya tokoh-tokoh yang ditahan itu  
dibebaskan dengan serta merta atau  
dibicarakan dalam mahkamah yang  
terbuka. Sekian. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli  
Yang Berhormat, pagi ini saya telah  
menerima satu Usul di bawah  
Peraturan Mesyuarat 18 daripada Ahli  
Yang Berhormat bagi kawasan Bukit  
Bintang mengenai tangkapan dan  
penahanan Ketua Pembangkang dan  
beberapa orang Ahli Parlimen DAP

dan yang lain-lain, ketua pertubuhan, pendidikan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Teks Usul Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Bintang itu adalah sebagaimana yang dibacakan sebentar tadi. Untuk membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat iaitu:

- (i) Ianya perkara tertentu;
- (ii) Ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) Ia perlu disegerakan.

Saya telah juga menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyatakan bahawa beliau akan membuat satu kenyataan mengenai perkara ini di bawah Peraturan Mesyuarat 14 (1) (i). Kertas Pemberitahu mengenai cadangan penerangan oleh Menteri telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana yang ada di atas meja Ahli-ahli Yang Berhormat.

Oleh itu, saya memutuskan Usul ini tidak perlu disegerakan dan Dewan tidak perlu ditangguhkan hari ini untuk membincangkan perkara yang berkenaan.

Seterusnya saya dengan ini menolak Usul Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. (*Tepuk*)

#### **KENYATAAN Y.A.B. PERDANA MENTERI**

##### **Ketenteraman dan Keamanan Negara**

3.44 ptg.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk melaporkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai beberapa tindakan yang telah diambil oleh pihak polis dalam sehari dua ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita semua maklum, negara kita mempunyai penduduk berbilang kaum yang juga menganuti agama-agama yang berlainan. Justeru itu bukan sahaja perpaduan sukar dicapai, tetapi keretakan, pecah-belah dan ketegangan mudah berlaku di antara kaum kerana sensitiviti isu kaum, isu agama dan isu kebudayaan.

Semenjak tahun 1981 Kerajaan telah cuba mengelak daripada mengawal terlalu ketat kegiatan dan gerak-geri rakyat yang mungkin boleh menyebabkan berlakunya ketegangan antara kaum dan antara agama. Pihak Kerajaan telah membebaskan kebanyakan daripada mereka yang berada dalam tahanan sebelum tahun 1981. Kerajaan telah meluluskan lebih banyak permohonan mencetak akhbar dan majalah. Kerajaan telah membenarkan laporan dan rencana, yang dahulu ditakrif sebagai hasutan, disiarkan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Kegiatan kebudayaan yang dahulu ditegah atau dihadkan telah diberi kelonggaran. Perhimpunan, seminar, dialog dan juga rally yang dahulu dianggap sebagai menghasut, tidak diambil tindakan oleh Kerajaan. Badan-badan politik, sosial dan professional bebas membuat bermacam-macam tohmahan dan tuduhan melulu yang bercorak perkauman kepada Kerajaan.

Kerajaan percaya bahawa rakyat Malaysia, terutama pemimpin-pemimpinnya, sudah dewasa dan tahu membendung diri sendiri tanpa kawalan oleh Kerajaan. Kerajaan percaya mereka ini sedar bahawa ketenteraman dan kestabilan negara kita perlu dipelihara dengan rapi. Kerajaan percaya bahawa mereka sedar bahawa pembangunan Malaysia dan kesejahteraan rakyatnya bergantung kepada ketenteraman dan kestabilan. Kerajaan juga berpendapat bahawa rakyat tidak akan dipengaruhi oleh kegiatan dan

tohmahan orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua masih ingat peristiwa 13 Mei, 1969. Tentulah tidak ada di antara kita yang suka mencetuskan rusuhan berdarah seperti itu sekali lagi. Oleh itu, sikap tidak bertanggungjawab dan kegiatan menjolok isu-isu yang sensitif sepatutnya tidak berlaku.

Walau bagaimanapun, pihak Polis yang sepanjang masa memerhati dan meneliti perkembangan politik dan dalam lain-lain gerak-geri rakyat, mendapati bahawa ada pihak-pihak tertentu yang tidak menghargai sikap Kerajaan. Mereka sebaliknya menggunakan peluang daripada pendirian Kerajaan ini untuk memperalatkan isu-isu sensitif untuk kepentingan mereka dan dalang-dalang mereka. Mereka tidak mempedulikan kesan buruk akibat daripada sikap tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis mendapati bahawa beberapa tokoh pemimpin parti Pembangkang dan kumpulan-kumpulan yang sebulu dengan mereka telah dengan sengaja membesar-besarkan isu yang ada kaitan dengan kaum.

Pihak DAP khususnya, terlalu memainkan isu-isu perkauman Cina dan India secara terbuka. Mereka memberi gambaran bahawa Kerajaan menindas kaum-kaum ini. Mereka mengadakan rapat-rapat umum, mesyuarat awam, rally, demonstrasi dan lain-lain kegiatan untuk membakar hati orang-orang Cina dan India terhadap Kerajaan dan terhadap orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis mendapati bahawa pemimpin-pemimpin parti DAP amat gemar menggunakan isu-isu yang berbau perkauman untuk mendapat sokongan bagi parti mereka. Mereka bukan sahaja berlagak sebagai juara kaum Cina dan India, tetapi juga sengaja

mencabar parti-parti kaum Cina dan India dalam Kerajaan kerana kononnya tidak memperjuangkan kepentingan kaum-kaum mereka. Dengan ini maka parti kaum Cina dan India dalam Kerajaan pun melenting dan cuba pula untuk melebihi parti DAP dalam ketebalan perkauman mereka.

Usaha menjadi jaguh ini meningkat apabila DAP dapat mengalahkan beberapa calon dari parti Cina dalam Barisan Nasional dalam Pilihanraya 1986. DAP sengaja mengejek parti Cina dalam Barisan Nasional sebagai "running dogs" parti UMNO. Dengan ini maka semakin bertambahlah usaha parti Cina dan India dalam Barisan Nasional untuk membuktikan bahawa mereka juga kuat dari segi perkauman bahkan lebih kuat lagi daripada DAP dan pemimpin-pemimpinnya.

Berbagai isu dijadikan asas ujian tentang siapa lebih kuat perkaumannya. Beberapa daripada isu-isu ini amat sensitif termasuk soal tarian singa, soal koperasi, soal papan tanda dan iklan, soal bahasa Cina, soal Bukit Cina, soal pakaian, soal ikrar murid di sekolah, soal matapelajaran elektif di Universiti Malaya, KBSR, soal pribumi Bumiputera dan akhirnya ini soal guru sekolah Cina. Satu perbuatan yang amat bahaya ialah penggunaan kuil untuk mesyuarat perkauman.

Dalam usaha-usaha yang dibuat sewaktu membincangkan isu-isu ini, banyak kata-kata kesat yang boleh ditakrif sebagai hasutan, disuarakan dengan lantang.

Reaksi daripada orang Melayu juga meningkat kerana sebab-sebab yang tersebut sehingga ke peringkat yang melampaui batas.

Semua ini dilaporkan oleh akhbar-akhbar dan majalah-majalah dan media massa ini juga semakin berani

melapor dan membuat rencana-rencana yang membakar hati kaum-kaum yang terlibat. Beberapa akhbar dan majalah sengaja menokok-tambah hasutan-hasutan ini untuk memperluaskannya kepada seluruh rakyat.

Di masa yang sama pihak yang pro komunis tidak berdiam diri. Mereka memang menanggok di air yang keruh ini. Mereka menghasut melalui badan-badan sah dan tidak sah. Ada bukti yang menunjuk bahawa mereka mendapat ilham dan sokongan moral dan material dari pihak-pihak luar negeri yang tidak ingin melihat negara kita tenteram dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkauman, perkara yang merengangkan jarak perhubungan antara kaum adalah agama yang berlainan. Sepatutnya soal berlainan agama boleh diatasi. Malangnya kerana kepentingan politik dan fanatik agama jarak perpisahan antara penganut agama-agama yang berbeza telah menjadi lebih jauh disebabkan oleh kegiatan pihak-pihak tertentu.

Beberapa pemimpin PAS telah cuba bukan sahaja memecahbelahkan orang Islam sesama orang Islam, tetapi juga menghasut orang Islam supaya benci dan marah kepada orang Kristian dengan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas.

Soal orang Islam diKristiankan telah sengaja dibesar-besarkan oleh beberapa orang untuk mengambil kesempatan daripada suasana syak-wasangka di kalangan orang-orang Islam terhadap kegiatan orang-orang Kristian. Sudah ada tanda-tanda bahawa hasutan daripada orang-orang tertentu ini telah menolong meningkatkan lagi ketegangan antara penduduk di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak zaman British memerintah lagi, segala kegiatan pendakwah Kristian mengembangkan agama Kristian di

kalangan orang-orang Islam adalah dilarang. Pihak British menghormati perjanjian dengan Raja-raja Melayu berkenaan dengan sekatan terhadap pendakwah Kristian ini.

Dalam Perlembagaan Malaysia yang merdeka, terhadap peruntukan undang-undang yang menegah perkembangan agama-agama lain di kalangan orang-orang Islam. Kita percaya bahawa gereja-gereja Kristian dan pendakwah mereka sedar akan larangan ini dan tidak akan membuat sesuatu yang mereka tahu akan menyebabkan ketenteraman negara tergugat.

Umumnya pihak gereja-gereja Kristian berhati-hati dalam perkara ini dan tidak cuba berdakwah di kalangan orang Islam. Malangnya, ada sebuah gereja yang telah cuba berbuat demikian. Mereka tidak begitu berjaya. Hanya beberapa orang sahaja yang dilahir sebagai orang Islam yang terpengaruh dengan mereka. Beberapa orang daripada mereka ini mempunyai masalah peribadi atau mencari kesempatan. Siasatan menunjukkan bahawa jumlah mereka tidak pun sampai 50 orang dan mereka ini pun belum menerima sepenuhnya agama Kristian.

Namun demikian kegiatan gereja ini diketahui oleh beberapa orang Islam yang kemudian menghebohkan cerita kononnya beribu-ribu orang Islam telah diKristiankan. Akibat daripada cerita-cerita yang sengaja dibesar-besarkan ini, iklim perhubungan kaum menjadi lebih tegang.

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada semua pergolakan ini keadaan di negara kita telah menjadi amat tegang sekarang. Pihak Polis yang bertanggungjawab terhadap ketenteraman dan kestabilan negara berpendapat bahawa kita sudah sampai kepada tahap yang merbahaya bagi negara.

Polis berpendapat, dan saya bersetuju dengan pendapat mereka, bahawa Kerajaan tidak boleh menunggu sehingga rusuhan tercetus sebelum bertindak. Langkah-langkah mencegah kejadian rusuhan perlu diambil sekarang juga untuk menyelamatkan negara daripada bahaya dan bencana yang mungkin dihadapinya.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka lebih daripada 30 tahun. Di waktu kita mula bekerjasama di antara kaum untuk mencapai kemerdekaan, kita telah bersetuju dengan beberapa perkara yang menjadi asas kemerdekaan dan Perlembagaan negara kita.

Kita semua telah mengiktiraf keistimewaan kedudukan bumiputera dan hak kerakyatan bagi bukan Melayu, termasuk kaum Cina dan India, yang layak dan memilih untuk menjadi warganegara Malaysia.

Kita telah mengakui bahawa agama Islam adalah agama rasmi Malaysia tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan bebas.

Kita telah bersetuju bahawa Bahasa Kebangsaan ialah Bahasa Melayu tetapi kaum-kaum yang lain berhak menggunakan bahasa-bahasa mereka.

Persetujuan ini mestilah dihormati oleh semua pihak. Perkara-perkara ini tidak boleh disoal oleh sesiapa. Jika ada mana-mana pihak menyoal hak sesuatu kaum, maka kaum itu akan menyoal balik hak kaum yang mencabarnya. Maka akan meningkatlah soal-meny soal, caci-mencaci dan cabar-mencabar. Dengan itu, keadaan menjadi keruh dan tegang dan kestabilan negara akan terugat.

Tuan Yang di-Pertua, negara tidak mampu mengalami rusuhan kaum. Negara kita mengalami kemelesetan ekonomi dan ramai daripada tenaga kerja kita menganggur. Jika

kemelesetan ekonomi ditokok dengan keadaan politik yang tidak stabil dan rusuhan kaum pula berlaku, negara ini akan menjadi huru-hara. Rakyat akan hidup dalam ketakutan dan terus menderita. Pembangunan dan kemajuan negara dan rakyat akan terjejas. Peristiwa-peristiwa yang kita lihat di Asia Barat, Asia Selatan dan Ireland Utara akan menimpa kita.

Kerajaan bertanggungjawab terhadap keamanan dan kestabilan negara dan oleh itu bersetuju di atas tindakan yang diambil oleh pihak Polis.

Memandangkan bahawa keadaan dalam negeri adalah tegang dan untuk menjayakan tindakan Polis, saya sebagai Menteri Dalam Negeri telah mengambil keputusan untuk melarang sebarang perhimpunan atau rally di seluruh Malaysia. Larangan ini juga bermakna perhimpunan raksaksa UMNO pada 1hb November ini dibatalkan. (*Tepuk*)

Semua perhimpunan awam atau rally, sama ada di dalam bangunan-bangunan atau di luar, adalah dibatalkan, termasuk yang telah mendapat kebenaran terlebih awal dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya menyeru kepada rakyat sekalian serta semua pihak untuk memberi kerjasama penuh kepada Kerajaan dalam usaha-usahanya untuk menjamin perpaduan dan persefahaman. Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang cuba menimbulkan huru-hara atau menghalang Kerajaan dalam menjalankan kewajibannya untuk menjamin kestabilan dan ketenteraman negara demi kesejahteraan semua rakyat. Terima kasih. (*Tepuk*)

## RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1987, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer Syarikat Berasaskan Tanah Tahun 1984, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Jualan 1972; di bawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 10 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.01 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.15 petang.*

(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan

"Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (27hb Oktober, 1987).

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Kluang boleh sambung.

*4.15 ptg.*

**Puan Ling Chooi Sieng (Kluang):** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sebutkan Mahkamah Tuntutan Kecil. Ternyata Mahkamah Tuntutan Kecil menyenangkan orang ramai membuat tuntutan ganti rugi dan hutang yang berjumlah kecil. Tetapi menurut Seksyen 69, Akta Mahkamah Rendah Tahun 1948, izinkan saya memetik Seksyen itu di dalam Bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua:

"Sessions Court shall have no jurisdiction in actions, suits or proceedings of a civil nature:

- (a) relating to immovable property except as provided in sections 70 and 71;
- (b) for the specific performance or rescission of contracts;

- (c) for an injunction;
- (d) for the cancellation or rectification of instruments."

Tuan Yang di-Pertua, seksyen ini melarang Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Kelas Pertama dan Kedua membicarakan kes-kes mengenai pembatalan kontrak, memohon injunction, dengan izin, dan sebagainya. Contohnya, seorang pembeli rumah kos rendah menandatangani perjanjian dengan pihak pemaju perumahan. Tetapi pihak pemaju gagal membina rumah itu. Selepas setahun pembeli rumah kos rendah ingin membatalkan perjanjiannya dengan pihak pemaju supaya bayaran mukanya sebanyak \$2.200 dipulangkan. Dia tidak boleh membuat tuntutan di Mahkamah Tuntutan Kecil, Mahkamah Majistret Kelas Pertama ataupun Mahkamah Sesyen walaupun tuntutannya adalah kecil. Dia terpaksa membawa kesnya ke Mahkamah Tinggi. Inilah contoh anomali.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesuatu Akta Parlimen dipinda, anomali-anomali harus dikaji terlebih dahulu. Justeru ini saya menggesa Kerajaan mengkaji perkara ini dan seterusnya membuat pindaan pada Akta ini supaya Mahkamah Rendah dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini masih belum ada undang-undang yang memaksa kes-kes yang jumlah pertikaian atau nilai perkara pokok berjumlah \$100,000 atau kurang dipindahkan ke Mahkamah Rendah. Sekiranya kedua-dua pihak iaitu defenden dan plaintif tidak buat apa-apa maka kes-kes ini akan tetap dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

Mahkamah Tinggi Pulau Pinang akan mengambil masa 9 tahun untuk membicara semua kes yang tertangguh tanpa mengambil kira kes-kes baru. Kita memerlukan satu sistem

Kehakiman yang cekap. Sistem Kehakiman tidak akan meningkatkan kecekapannya jika Kerajaan tidak membuat peruntukan yang secukupnya untuk membina bangunan-bangunan Mahkamah atau melantik lebih ramai hakim Mahkamah Sesyen. Produktiviti para hakim tidak boleh dinilai dengan wang ringgit. Mereka adalah pembela demokrasi. Kecekapan mereka dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan kita. Saya menggesa Menteri Kehakiman memohon peruntukan yang lebih besar supaya keadilan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya konsep penswastan. Pada hakikatnya fungsi utama sesebuah Kerajaan ialah mentadbirkan negara dan bukan menjalankan perniagaan. Bidang perniagaan harus diserahkan kepada sektor swasta. Bilangan kakitangan Kerajaan di Malaysia adalah teramai sekali berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini. Maka tiada sebab yang munasabah untuk meningkatkannya. Seperti yang kita maklum objektif utama sesebuah syarikat swasta ialah mencari keuntungan. Jika ia tidak cekap dan tidak dapat mengurangkan kosnya, ia tidak dapat bersaing dengan syarikat-syarikat yang lebih cekap. Ini bermakna persaingan merupakan anak kunci kepada kejayaan sesebuah syarikat. Selain daripada itu penswastan harus dilaksanakan secara adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, seandainya penswastan hanya memberi hak monopoli kepada sesuatu golongan yang tertentu sahaja, maka penswastan tidak mungkin meningkatkan kecekapan. Tanpa persaingan, kecekapan tidak boleh ditingkatkan. Contohnya, penswastan Jabatan Telekom hanya diserahkan kepada sebuah syarikat sahaja. Sekali pandang tiada perbezaan antara Syarikat Telekom

Malaysia dan Jabatan Telekom. Ini kerana tiada unsur persaingan.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan tidak bermakna kecekapan akan ditingkatkan secara automatik. Di samping itu kepentingan rakyat harus mendahului kepentingan syarikat swasta apabila sesuatu agensi atau badan Kerajaan diswastakan. Di dalam konteks ini, saya cadangkan suatu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk memproses permohonan dari syarikat-syarikat swasta. Pengawasannya diserahkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan padu terhadap Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kita harus berpadu tenaga untuk menjadikannya sebagai bahasa ilmu dan budaya, bahasa yang menyatupadukan berbagai kaum serta bahasa yang menegakkan identiti kita. Sebagai warganegara sebuah negara yang merdeka, kita perlu ada identiti diri sendiri. Yang menegakkan identiti kita antara lain ialah Bahasa Malaysia. Tetapi dalam usaha kita mendaulatkan Bahasa Malaysia kita harus bersikap terbuka. Kita tidak seharusnya dipengaruhi oleh pandangan yang sempit. Kita tidak boleh mengabaikan pengajaran bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Tionghua dan sebagainya demi menonjolkan sikap patriotik kita.

Sebagai manusia moden kita tidak dapat memutuskan hubungan kita dengan negara-negara lain. Di samping itu dalam zaman maklumat ini, komputer bertambah penting dalam kehidupan kita. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, media komunikasi komputer ialah bahasa Inggeris. "Software", dengan izin, yang disediakan oleh pakar-pakar juga dalam bahasa Inggeris. Tanpa menguasai bahasa Inggeris kita tidak dapat menggunakan komputer sebagai alat pendidikan yang terpenting.

Justeru itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengambil langkah-langkah yang positif agar penguasaan bahasa Inggeris di kalangan generasi muda kita dapat dipertingkatkan. Hari ini ramai anak muda tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Maka pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua harus diberikan perhatian yang serius di samping memantapkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu dan budaya. Tidakkah keterlaluan kalau saya katakan bahasa Inggeris ialah *lingua franca*, dengan izin, yang terpenting di kalangan masyarakat antarabangsa. Tanpa menguasainya kita akan ketinggalan dalam bidang sains dan teknologi serta maklumat yang kemaskini mengenai kewangan dan perniagaan pada peringkat antarabangsa.

Kita telah baca dalam suratkhbar mengenai peristiwa di mana tulisan-tulisan Cina atas papantanda-papantanda telah ditutup di sebuah Carnival Makanan Laut, Johor Bahru dan kita juga difahamkan bahawa Carnival itu telah dianjurkan semata-mata untuk menarik pelancong-pelancong dari Singapura. Saya merasa bahawa tindakan seperti ini oleh pihak berkuasa adalah sesuatu yang tidak berasas dan tidak diperlukan.

Kita perlu sedar bahawa bahasa adalah satu cara atau alat komunikasi. Kalau kita hendak jual harta-benda kepada orang-orang Arab, kita mesti pastikan bahawa semua notis-notis jualan kita ditulis dalam bahasa Arab seperti yang dilakukan di London. Kalau kita hendak berniaga dengan orang-orang Jepun, kita mesti bercakap dalam bahasa Jepun. Saya amat menghargai cara MAS menengklankan secara besar-besaran logo dan imej barunya dalam akhbar-akhbar Cina tempatan. Kita semua menerima hakikat bahawa Bahasa

Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan negara ini. Hal ini tidak perlu disoalkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini media massa kerap kali menonjolkan isu pendidikan. Ada akhbar yang membayangkan penggubalan satu Akta Pendidikan baru yang akan memperkenalkan satu dasar pendidikan baru. Dasar baru ini akan menjadi landasan bagi sekolah-sekolah pada masa depan. Sekiranya ini benar, Yang Berhormat Menteri Pendidikan harus sentiasa ingat tentang matlamat dan falsafah pendidikan. Selain daripada menyampaikan kemahiran-kemahiran dan ilmu pengetahuan, sistem pendidikan harus juga menitikberatkan perasaan cintakan tanahair dan perpaduan rakyat. Sebelum Akta ini digubal, Menteri Pendidikan harus mengadakan dialog, atau dengan izin, brainstorm sessions dengan para pendidik, orang ramai dan pertubuhan-pertubuhan yang ada kait-mengait dengan pendidikan. Ini kerana idea yang bernas bukan monopoli sesuatu golongan yang tertentu sahaja. Yang penting bukan siapa yang menyampaikan idea tetapi sama ada idea itu dapat membina sebuah negara yang bersatu-padu dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh kebebasan akhbar. Tanpa kebebasan akhbar, demokrasi tidak dapat berfungsi dalam ertikata yang sebenarnya. Tetapi kebebasan yang mutlak akan menjejaskan kepentingan bangsa dan negara.

Kebelakangan ini didapati berbagai jenis akhbar "nyamuk" membanjiri pasaran. Integriti wartawan-wartawan bagi akhbar-akhbar ini boleh dipertikaikan. Liputan mereka bukan berdasarkan kepada fakta-fakta, tetapi berdasarkan kepada khabar angin, spekulasi dan rekaan semata-mata. Di samping itu mereka juga memperalatkan fitnah dan berita

sensasi untuk memikat para pembaca. Perkembangan demikian amat ketara di kalangan akhbar-akhbar berbahasa Cina. Lama-kelamaan gejala ini akan merebak ke akhbar-akhbar berbahasa Inggeris, Tamil dan berbahasa Malaysia. Perkembangan yang kurang sihat ini harus disekat. Saya menggesa Menteri Dalam Negeri meneliti setiap permohonan sebelum lesen dikeluarkan. Latar belakang penerbit dan sidang pengarang harus disiasat terlebih dahulu. Sekiranya terdapat akhbar yang menyiarkan maklumat palsu ataupun cerita yang bersifat lucah, lesennya harus ditarik balik dan penerbit-penerbit yang berkenaan didakwa di mahkamah.

Akhirnya, izinkan saya menyentuh tentang kaum wanita dan undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, diskriminasi terhadap kaum wanita di sisi undang-undang dapat dilihat dengan jelas dari undang-undang mengenai pembahagian harta tanpa wasiat bertulis iaitu, Intestate law, yang tidak kena-mengena dengan orang-orang Islam. Di dalam intestate law, apabila seorang suami meninggal tanpa wasiat bertulis, isterinya hanya berhak mewarisi setengah daripada harta pesaka suaminya. Sebaliknya, jika seorang isteri meninggal tanpa wasiat bertulis, keseluruhan harta pesaknya akan diwarisi oleh suaminya. Undang-undang ini harus dipinda supaya suami dan isteri diberikan hak yang sama iaitu si isteri diberikan hak mewarisi keseluruhan harta pesaka si suami ataupun si suami diberikan hak mewarisi setengah daripada harta pesaka si isteri.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang mengenai rogol tidak memperlihatkan apa-apa keadilan. Apabila seseorang perempuan dirogol, moral dan perwatakannya juga disoal-siasat secara bertubi-tubi. Undang-undang mengenai perkara memberi keterangan dalam kes rogol, dengan izin, the law on evidence harus

dikaji semula secara keseluruhan. Hukuman bagi pesalah dalam kes rogol juga amat arbitrari. Sesetengah Hakim menjatuhkan hukuman penjara 5 tahun manakala sesetengah menjatuhkan hukuman penjara 2 tahun sahaja. Saya mencadangkan bahawa hukuman minimum 7 tahun dan 5 kali rotan patut dikenakan ke atas pesalah dalam kes rogol. Selain daripada itu, kita harus mengkaji dengan teliti punca yang meningkatkan kes-kes rogol, terutamanya di kalangan mangsa kanak-kanak. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kes rogol harus dikenal pasti. Kadang-kala hukuman bukanlah satu jalan keluar yang terbaik bagi mengatasi sesuatu masalah. Yang Berhormat Menteri Kebajikan harus menubuhkan satu Pasukan Petugas untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan bilangan kes rogol bertambah dengan pesat. Pasukan Petugas harus dianggotai oleh ahli-ahli psychiatrist, peguam, doktor dan pekerja-pekerja sosial.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 5—Guardianship of Infant's 1961, izinkan saya memetik seksyen itu dalam bahasa Inggeris,

“The father of an infant shall be the guardian of the infant's person and property”.

Peruntukan itu adalah tidak adil kepada ibu-ibu. Dalam melaksanakan kerja harian saya sebagai Wakil Rakyat, saya menemui kes-kes suami yang meninggalkan isteri dan anak-anak mereka dan isteri-isteri yang menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pasport bagi anak-anaknya. Mereka mesti mendapat perintah daripada Mahkamah Tinggi sebelum membuat permohonan untuk mendapatkan pasport bagi anak-anaknya. Seksyen ini harus dipinda supaya kedua-dua ibu-bapa diberi hak-hak yang sama seperti yang dilakukan di Singapura di mana legal

guardianship telah diberi kepada mereka. Diskriminasi itu patutlah dilarang dari berlanjutan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli dari Bukit Mas.

4.37 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1988 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan oleh kerana dapat membentangkan satu Belanjawan yang bijaksana dan tidak membebankan golongan yang miskin. Belanjawan ini dibentangkan selepas mengambil kira kedudukan kewangan dan prestasi serta pertumbuhan ekonomi negara kita setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi Belanjawan 1988 ialah untuk mengukuhkan proses pemulihan ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan di kalangan rakyat. Saya menyokong penuh strategi ini. Dalam hal ini saya memuji Kerajaan oleh kerana membuat pilihan untuk mengurangkan pinjaman luar negeri dengan membayar lebih awal pinjaman tersebut. Pembayaran awal pinjaman luar negeri sebanyak \$2.4000 juta dalam tahun 1987 akan mengurangkan hutang luar negeri kita kepada \$49.2000 juta. Walaupun paras pinjaman luar negeri ini tinggi jika dibanding dengan paras dalam awal tahun 80an, kita berharap paras rezab kita yang sekarang ini yang masih tinggi dapat dikekalkan supaya kita dapat mengurangkan hutang luar negeri kita ke paras yang tidak membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kepada Tuhan atas tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ekonomi kita telah bertambah baik. Harga-harga barangan utama kita seperti getah telah mencapai paras tertinggi dalam tempoh tujuh tahun. Begitu juga dengan harga petroleum mentah, barang-barang pembuatan seperti tekstil, barang elektrik dan elektronik, kasut serta keluaran berasaskan getah dan kayu.

Akaun semasa buat pertama kalinya telah mencatatkan lebih sebanyak \$2,000 juta semenjak tahun 1979 berbanding dengan defisit sebanyak \$770 juta pada tahun 1986. Pertumbuhan KDNK akan meningkat sebanyak 2% dalam tahun 1987 berbanding dengan 1.2% pada tahun 1986. Nilai matawang ringgit mulai awal tahun ini telah bertambah baik dan kukuh berbanding dengan dollar Amerika, Singapura dan Hong Kong, Yen Jepun dan pound sterling jikalau dibanding dengan nilai matawang ringgit kita pada masa yang sama tahun lepas. Adalah dianggarkan bahawa kita akan mencatatkan lebih dagangan pada tahun 1988. Kita berharap bahawa keadaan ekonomi akan bertambah baik walaupun Bursa Saham Kuala Lumpur dalam beberapa hari ini telah mengalami kejatuhan harga akibat kejatuhan harga di Wall Street dan Bursa Saham di Hong Kong, Tokyo dan Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengukuhkan pemulihan ekonomi, Kerajaan perlu memberi keutamaan kepada pembangunan industri pelancongan. Industri pelancongan merupakan industri yang amat berpotensi dan yang amat penting di beberapa negara di dunia. Di negara jiran seperti Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia, Hong Kong dan Taiwan, sumbangan industri pelancongan terhadap hasil Kerajaan masing-masing telah meningkat tahun demi tahun. Kita juga mahu supaya

pelancong-pelancong yang melancong ke negara jiran juga dapat melancong ke negara kita.

Dunia telah menjadi kecil. Penduduk-penduduk dunia sudah menjadi mewah. Kemajuan dalam bidang sains, teknologi, penerbangan dan perhubungan sudah memudahkan perjalanan dan perhubungan di antara negara. Oleh itu, adalah diramalkan bahawa industri pelancongan akan menjadi industri yang paling utama di dunia menjelang tahun 2,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kerajaan supaya kemudahan-kemudahan asas yang sedia ada seperti jalan raya, tempat penginapan, bekalan air dan elektrik, telefon dan sebagainya di tempat ataupun pusat-pusat pelancongan di seluruh negara perlu diperbaiki. Kebanyakan pelancong-pelancong dari dalam atau luar negeri adalah pelancong-pelancong yang berbelanja sederhana, dengan izin, budget tourists. Oleh itu, kita perlu menentukan tambang kereta atau kapalterbang, sewa hotel, harga makanan dan harga kraftangan yang dijual di pusat-pusat pelancongan ini adalah munasabah. Jika kos melancong ke Malaysia itu tinggi daripada melancong ke negara jiran, pelancong-pelancong tidak akan melancong ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tempat pelancongan seperti pantai-pantai kita yang indah, pulau-pulau yang terdapat di Semenanjung Malaysia, di Sarawak dan Sabah yang masing-masing mempunyai kecantikan tersendiri, gunung-ganang kita yang kaya dengan flora dan fauna, gua-gua kita yang terbesar di dunia perlu dimajukan serta dihiaskan untuk digemari oleh pelancong-pelancong dari luar dan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan perlu juga menjamin

bahawa keselamatan pelancong-pelancong sewaktu di negara ini adalah terkawal terutamanya di Pulau-pulau yang jauh dari bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang supaya Kementerian Pelancongan menjalankan satu, dengan izin, courtesy campaign, dan Minggu Pelancongan (Tourism Week) yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia tentang betapa pentingnya industri pelancongan ini kepada ekonomi kita. Kempen ini harus merangkumi golongan-golongan dan badan-badan tertentu seperti Sistem Penerbangan Malaysia, hotel-hotel, teksi-teksi, pengembara-pengembara bas dan pengangkutan-pengangkutan lain dan badan-badan lain serta rakyat jelata. Media-massa kita seperti RTM, TV3 dan suratkhabar harus menyumbang secara positif terhadap matlamat ini dengan memberi pengiklanan serta coverage, dengan izin, mengenai tempat pelancongan di negara ini dalam bentuk feature article, documentary dan sebagainya. Saya merayu pihak swasta supaya melabur dan memajukan industri pelancongan di negara ini selain daripada usaha yang diambil oleh Tourist Development Corporation dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan selain daripada mengutip pertukaran matawang asing akan memberi pekerjaan kepada rakyat kita, memandangkan kadar pengangguran kita adalah melebihi 9%—satu paras yang agak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan yang diberi oleh Kerajaan untuk membangunkan industri-industri kecil disambut dengan baik. Selain daripada memberi tumpuan utama kepada industri-industri yang mengeluarkan barang-barang komponen kereta motor, kejuruteraan ringan, elektrik, elektronik, getah dan plastik, saya menggesa Kementerian Pembangunan

Negara dan Luar Bandar supaya industri-industri yang menggunakan bahan-bahan tempatan perlu dimajukan. Misalnya industri rotan perlu dimajukan memandangkan melalui pemerosesan rotan di negara ini kita akan beruntung melalui nilai wang bertambah, dengan izin, value added dan ini akan menambah pendapatan negara.

Begitu juga dengan industri-industri kraftangan yang lain yang menggunakan bahan-bahan tempatan. Industri-industri kecil ini selain daripada memberi peluang pekerjaan, memainkan sumbangan penting dalam usaha kita memasuki era perindustrian berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mutu barangan atau komponen yang dikeluarkan oleh industri-industri kecil ini adalah tinggi supaya dapat menerokai pasaran dalam dan luar negeri. Kecekapan industri-industri ini perlu juga dipertingkatkan supaya dapat bersaing dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian adalah asas ekonomi negara. Segala tumpuan dan tekanan perlu diberi terhadap pembangunan secara moden sektor ini. Dalam perkara ini kita perlu mempelajari daripada pengalaman negara-negara maju. Di Britain revolusi pertanian yang membolehkan revolusi perindustrian terjadi. Begitu juga di Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan revolusi perindustrian dijalankan serentak dengan revolusi pertanian.

Di Malaysia nampaknya revolusi pertanian telah ketinggalan jauh kebelakangan revolusi perindustrian. Jika kita ingin supaya negara kita dapat menyertai Liga Negara-negara Perindustrian, revolusi pertanian di negara ini perlu dijalankan serentak dengan revolusi pertanian. Dalam pada itu konsep Pembangunan

Pertanian Bersepadu perlu dilaksanakan dengan secepat mungkin kepada semua tanah-tanah yang dimiliki oleh rakyat di luar bandar yang kecil-kecilan dan juga tanah-tanah terbiar di seluruh negara. Konsep ini akan membolehkan penggunaan jentera-jentera moden serta pengurusan yang cekap dan berkebolehan. Revolusi pertanian ini seterusnya akan membangunkan kawasan luar bandar dan pembangunan luar bandar ini pula akan memberi kesan yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara dari segi peluang pekerjaan dan daya pengeluaran yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita tidak begitu, dengan izin, resilient dan flexible jika dibanding dengan negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Filipina. Ketiga-tiga negara ini bergantung kepada bahan-bahan utama seperti getah, kelapa sawit, koko dan kelapa, sama seperti Malaysia, tetapi dalam masa dua tahun lepas ekonomi dunia yang merosot, kesan kemerosotan dunia ke atas ekonomi mereka tidak begitu teruk jika dibandingkan dengan negara kita.

Kadar pengangguran khususnya di Thailand dan Indonesia lebih rendah dan juga kadar pertumbuhan ekonomi mereka sebelum itu masih dapat dipertahankan. Mengapa? Ini adalah oleh kerana asas sektor pertanian mereka adalah lebih luas daripada asas sektor pertanian kita, misalnya selain daripada menanam getah, kelapa sawit, koko dan lada hitam, mereka juga menanam kelapa, jagung, ubi kayu, tebu, ubi kentang dan lain-lain tanaman secara besar-besaran. Ini tidak terdapat di negara kita. Walaupun harga komoditi utama jatuh ekonomi negara jiran ini masih kukuh oleh kerana tanam-tanaman yang lain yang masih dapat memberi peluang pekerjaan kepada rakyat serta menambah hasil kepada negara.

Tambahan pula ketiga negara ini adalah, dengan izin, self-sufficient, dari segi pengeluaran beras.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kerajaan supaya asas sektor pertanian kita diperluas serta dipelbagaikan untuk melindungi rakyat dari goncangan ekonomi antarabangsa yang tidak menentu. Dalam pada itu Kementerian Pertanian perlu menggalakkan pihak swasta untuk menanam secara besar-besaran kelapa, jagung, ubi kayu, buah-buahan, ubi kentang, sayur-sayuran dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dapat membahagi-bahagikan peruntukan wang pembangunan sebanyak \$1.4 ribu juta secara adil dan memberi lebih kepada Sarawak melalui Jabatan Pertanian untuk pembangunan pertanian yang bersepadu, subsidi baja dan khidmat-khidmat sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, kunci kepada kemewahan, kemakmuran rakyat miskin di luar bandar khususnya kaum Dayak di Sarawak ialah melalui pembangunan tanah mereka yang luas secara komersial dan moden. Sarawak perlu satu revolusi pertanian untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran yang melebihi 9% pada tahun 1988 amat membimbangkan. Tambahan pula kadar pertumbuhan sebanyak 1.2% pada tahun 1986 dan 2% pada tahun 1987 tidak memadai untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi tenaga buruh yang makin bertambah. Pelaksanaan projek-projek penggunaan gas Semenanjung Fasa II, bekalan air luar bandar dan penswastan Lebuhraya Utara-Selatan akan menolong rakyat secara langsung di Semenanjung sahaja. Saya berharap supaya Jabatan Perdana Menteri

dapat mencari jalan untuk melaksanakan projek-projek yang dapat memberi peluang pekerjaan serta memberikan hasil kepada negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya merayu kepada Kementerian Kerjaraya supaya pembinaan serta penswastaaan Lebuhraya Pan-Borneo disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan politik semasa sangat membimbangkan. Kenyataan-kenyataan yang bercorak dan berbentuk perkauman yang dibesarkan oleh akhbar tempatan dan asing telah menimbulkan situasi tegang di kalangan rakyat. Ini terjadi oleh kerana parti-parti politik dan persatuan-persatuan telah membuat perhimpunan bercorak perkauman untuk mendesak Kerajaan supaya isu-isu yang mereka bangkitkan itu harus diselesaikan oleh Kerajaan dengan serta-merta. Walaupun perhimpunan ini dianjurkan di Ibu Kota, kesannya terhadap negeri Sarawak dan Sabah adalah seperti ombak dan taufan laut yang deras.

Tuan Yang di-Pertua, masa kini bukan masa untuk kita menunjukkan kekuatan. Kekuatan itu adalah kepada kita semua sebagai rakyat. Malaysia membangunkan negara dan maruah bangsa yang mengambil masa. Di Semenanjung Malaysia kita menghadapi masalah politik, begitu juga dengan Sarawak dan Sabah. Di Sarawak cubaan oleh segolongan Ahli Yang Berhormat untuk merampas kuasa dan seterusnya menjatuhkan Kerajaan Negeri baru-baru ini telah ditolak oleh rakyat dalam pilihanraya negeri yang lepas. Rampasan kuasa yang tidak sah ini harus dikutuk oleh kerana ianya adalah satu "precedent" yang bahaya kepada sistem demokrasi kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita di negara Malaysia merasa bertuah oleh kerana semenjak kemerdekaan 30 tahun dahulu, kita berjaya mempertahankan

sistem demokrasi berparlimen melalui 7 pilihanraya. Rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama yang mempunyai bahasa dan kebudayaan tersendiri berjaya membina satu negara dan bangsa yang bermaruah tinggi, makmur dan bersatu padu yang disegani oleh masyarakat dunia. Sejak kemerdekaan kita telah melihat peralihan kuasa di antara empat Perdana Menteri, kita dihormati dengan tradisi dan convention harus bangga dengan pencapaian ini melalui kepintaran dan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dalam memimpin negara. Rakyat jelata masa kini telah dan sedang menikmati buah-buah kemerdekaan kita. Negara kita walaupun mempunyai masalah politik di sana sini, negara kita masih dalam keadaan yang stabil dan tenang. Ini adalah satu kenyataan, jika kita bandingkan dengan negara-negara di rantau ini. Adat dan kebudayaan kita adakan tegahan dari melakukan sesuatu yang akan menghancurkan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita berganding bahu dan tumpukan segala kekuatan dan kepintaran kita untuk memperbaiki iklim pelaburan serta pemulihan keadaan ekonomi kita yang lembab. Marilah kita berganding bahu untuk mengekalkan persefahaman dan perpaduan di antara satu dengan yang lain. Lupakan segala iri hati dan pengalaman yang pahit dan cintakan negara kita yang indah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, pemimpin-pemimpin politik harus berhati-hati apabila membuat kenyataan-kenyataan supaya mengelakkan daripada membimbangkan pelabur-pelabur asing yang datang ke negara ini. Saya merayu kepada pihak swasta supaya jangan melengah-lengahkan lagi untuk melabur di negara ini. Penghapusan cukai keuntungan berlebihan sebanyak 3% ke atas syarikat adalah disambut baik. Kita berharap syarikat

yang terlibat akan melabur balik keuntungan mereka di negara ini. Saya berharap syarikat-syarikat lain yang tidak menerima faedah daripada penghapusan cukai ini harus bersikap positif dan terbuka memandangkan penurunan cukai koporat sebanyak 40% dan cukai pembangunan sebanyak 5% akan mengurangkan hasil Kerajaan. Dengan kedudukan kewangan kita setakat ini kita tidak ingin supaya penurunan ini dibuat. Jika hasil Kerajaan turun ini akan mendesak Kerajaan untuk meminjam lagi dan kita tidak mahu ini berlaku. Sementara kita menunggu pemulihan ekonomi negara marilah kita berkorban tahun ini demi menjamin masa hadapan negara yang cerah, makmur dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

5.00 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Tahun 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 23-10-1987 lalu akan tercatat dalam sejarah Belanjawan negara kita, sebagai satu Belanjawan yang kurang mendapat perhatian umum. Sebab utama perkembangan ini kerana orang ramai lebih memikirkan isu politik dan masalah yang dihadapi oleh negara Malaysia pada hari ini, terutamanya pelbagai perkembangan politik di tanahair yang kurang sihat sejak akhir-akhir ini. Apa yang benar-benar mendapat perhatian orang ramai bukanlah tertumpu sangat kepada Belanjawan, tetapi ialah ke arah mana negara ini menghalakan tumpuan.

Saya mesti menekankan di sini, bahawa tidak kira apa juga strategi

Belanjawan yang diambil boleh memperkuatkan proses pemulihan ekonomi, jika masalah asas politik dalam negara ini tidak dapat diatasi, semua usaha yang dibuat selama ini akan menjadi sia-sia.

Memandangkan di atas, saya berpendapat bahawa Kerajaan mestilah memberikan perhatian yang tinggi untuk menyelesaikan masalah politik di negara kita dengan segera, dengan tujuan untuk mengakhiri ketidaktentuan politik yang menjadi halangan utama kepada pemulihan ekonomi di negara kita.

Saya pasti bahawa sektor swasta dan para pelabur asing akan hanya bersedia, committed kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara, jika mereka sedar bahawa masalah-masalah politik yang dihadapi oleh negara akan diselesaikan dengan memuaskan, mengekalkan keyakinan rakyat dalam proses politik di negara kita adalah satu syarat utama bagi pertumbuhan dan kejayaan ekonomi negara Malaysia, tidak ada jalan yang lebih baik untuk mengekalkan keyakinan umum dalam proses politik oleh Kerajaan, terutamanya parti pemerintah melibatkan sepenuhnya dalam politik kesederhanaan, politik berlandaskan keadilan, mendokong prinsip pelbagai kaum dan demokrasi berparlimen, di samping mengamalkan konsep pertanggungjawaban awam dalam setiap tindakan Kerajaan. Setelah memperkatakan semua ini, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyentuh beberapa perkara yang penting daripada Belanjawan Tahun 1988 ini.

Pertamanya, saya suka menyentuh perspektif ekonomi Malaysia. Ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan yang perlahan dalam tahun-tahun kebelakangan ini, mencatatkan satu pertumbuhan negatif sebanyak 1% dalam tahun

1985, satu pertumbuhan positif sebanyak 1% dalam tahun 1986 dan satu jangkaan pertumbuhan 2% dalam tahun 1987.

Kesan buruk kemelesetan boleh dikenali dari bilangan penutupan dan pemberhentian operasi atas sebab masalah-masalah kewangan, terutamanya berkaitan dengan bilangan hutang lapuk dan tidak membuat pembayaran. Kehilangan pekerjaan adalah juga meluas, terutamanya dalam sektor pembuatan, pengangguran yang kian meningkat yang sekarang berada di paras 9% dijangka meningkat menjadi 9.4% dalam tahun 1988, yang juga telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Masalah untuk mengatasi pengangguran hendaklah diberi perhatian yang utama, saya mendapati Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya ada menyentuh beberapa cadangan untuk mengatasi masalah pengangguran. Menteri Kewangan menyatakan bahawa pihak berkuasa yang tertentu akan terus memberikan peruntukan lesen pinjaman tapak untuk para peniaga kecil, di samping membuka tanah-tanah baru untuk pertanian commercial, dengan mengambilkira masalah karenah birokrasi (red-tape), dengan izin, dan kurang kerjasama yang ditunjukkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, seseorang akan mendapati betapa sukarnya tentang pengeluaran lesen pinjaman atau tapak untuk menjalankan perniagaan kecil.

Saya menyeru pihak berkuasa yang tertentu supaya menghapuskan masalah karenah birokrasi ini dan melonggarkan syarat pengeluaran lesen atau kelulusan pinjaman dan tapak-tapak untuk semua peniaga kecil bagi membantu para penganggur atau yang diberhentikan kerja bagi menerokai bidang-bidang pekerjaan sendiri.

Berkaitan dengan usaha membantu para penganggur, saya suka mengulangi seruan saya kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP), supaya meluluskan pengeluaran awal caruman yang ada dalam kredit pencarum-pencarum KWSP yang menganggur bagi membolehkan mereka yang terlibat mengeluarkan caruman bagi memulakan perniagaan kecil.

Pada masa ini hanya mereka yang telah mencapai umur 55 tahun dibenarkan memohon pengeluaran penuh caruman dan bagi mereka yang berumur 50 tahun mereka dibenarkan mengeluarkan hanya 1/3 sahaja daripada caruman mereka. Ini adalah tidak patut kerana terdapat ramai penganggur yang masih belum mencapai umur 50 tahun, tetapi sangat-sangat memerlukan modal bagi memulakan perniagaan kecil. Oleh itu saya mencadangkan had umur bagi pengeluaran wang KWSP hendaklah dikurangkan ke 45 tahun dan Akta KWSP mesti dipinda bagi membolehkan pengeluaran dibuat untuk tujuan mengadakan objektif-objektif yang disebutkan oleh saya tadi.

Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata bahawa Kerajaan akan memberi perhatian kepada pembangunan perindustrian kecil memandangkan peranan penting yang boleh mereka mainkan dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Beliau berkata bahawa untuk memudahkan pembangunan perindustrian kecil Kerajaan telah menubuhkan satu sistem maklumat untuk mengumpul semua data-data yang perlu mengenai perindustrian kecil.

Selaras dengan galakan perindustrian kecil, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengarahkan pihak berkuasa yang berkenaan bagi memperuntukkan tanah-tanah yang

sesuai kepada pengusaha-pengusaha perindustrian kecil pada kadar harga yang munasabah bagi membolehkan mereka membuka kilang-kilang ataupun menubuhkan perindustrian kecil. Pihak berkuasa yang berkenaan dan pelesenan hendaklah juga diarah supaya menyegerakan pengeluaran lesen-lesen baru dalam Wilayah Persekutuan. Saya ingin mencadangkan supaya semua perindustrian kecil yang tidak mempunyai lesen mesti dilesenkan agar mereka bebas dari apa-apa tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Berkaitan dengan penjaja dan peniaga kecil pula, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk menaikkan had pinjaman di bawah Skim Khas Perbadanan Jaminan Kredit dari \$2,000 ke \$3,000 dan sehingga had maksima \$5,000 boleh diberikan, akan tetapi saya suka menggesa supaya kelonggaran syarat pinjaman diberikan bagi memastikan mereka yang terdesak berhak mendapatkannya.

Tuan Yang di-Pertua, penghapusan cukai keuntungan berlebihan 3% ke atas pendapatan kena cukai yang melebihi \$2 juta ialah satu langkah wajar untuk menggalakkan pelaburan baru dan pelaburan jenis semula oleh syarikat-syarikat yang sedia ada.

Walaupun saya berpendapat bahawa ia akan memberi faedah kepada sebilangan kecil syarikat-syarikat gergasi, ia akan memberi lebih banyak faedah kepada sektor perniagaan pada keseluruhannya, jika Kerajaan dapat mengurangkan cukai pembangunan 5% daripada menghapuskan cukai keuntungan berlebihan 3% ini. Kerajaan hendaklah mengurangkan cukai korporat dari 10% ke 15% secara berperingkat-peringkat bagi menjadikan Malaysia berada dalam kedudukan yang lebih menguntungkan berbanding dengan

negara-negara jirannya dalam ASEAN untuk menarik pelaburan asing.

Apa-apa pengumuman awal tentang satu program berjadual bagi pengurangan cukai korporat akan lebih menggalakkan oleh kerana ia akan menghapuskan ketidak tentuan masa kini berhubung dengan cukai korporat yang dihadapi oleh pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengenakan semula cukai jualan 5% dan 10% ke atas sebilangan barang-barang bukanlah satu langkah yang betul dan ia harus dipertimbangkan semula. Cadangan mengenakan semula cukai jualan ke atas sebilangan besar barang-barang pengguna boleh membawa kepada kenaikan kos sara hidup dan dengan wujudnya masalah pengangguran yang serius masa kini serta pengurangan gaji akan hanya menimbulkan banyak kesusahan kepada orang ramai. Cukai ini akan mencetuskan sekali lagi inflasi yang mana kita mesti mengelakkannya tatkala ini. Lebih-lebih lagi penguatkuasaan semula cukai jualan akan menjejaskan seterusnya ke atas perniagaan restoran yang memang berada dalam keadaan teruk berikutan kemelesetan ekonomi.

Barang-barang yang dipilih untuk dikenakan cukai jualan 5% biasanya digunakan sebagai ramuan makanan Cina di restoran-restoran. Kesan harga makanan yang disediakan oleh restoran akan meningkat dan para pelanggan akan kurang mengunjungi restoran-restoran. Oleh itu Belanjawan 1988 tidak membantu perniagaan restoran.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan menimbang semula keputusannya untuk mengenakan semula cukai jualan dengan tujuan supaya ianya ditarik balik demi kepentingan para pengguna. Lebih

baik bagi Kerajaan menghapuskan pula cukai perkhidmatan 5% yang melibatkan semua tempat makanan daripada mengenakan semula cukai jualan 5%.

Masalah pengangguran yang serius berlaku pada masa sekarang telah mengakibatkan ramai penganggur membuat pekerjaan sendiri ataupun self-employed, dengan izin. Menteri Kewangan menyatakan bahawa kemasukan baru dalam pasaran buruh mestilah bersedia mencari pekerjaan sendiri. Satu cara untuk mencapai tujuan ini ialah dengan menjadi peniaga kecil atau pemandu teksi. Orang-orang yang bekerja sendiri seperti peniaga kecil atau pemandu teksi pada hari ini dikenakan cukai pembangunan 5% jika pendapatan mereka melebihi \$5,000 setahun.

Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbangkan had pengecualian cukai pembangunan dari \$5,000 kepada \$8,000 bagi memberi pelepasan kepada mereka yang bekerja sendiri terutamanya mereka yang mempunyai keluarga yang besar untuk dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan untuk tidak menaikkan gaji pengambilan kakitangan-kakitangan awam dan mengurangkan gaji permulaan pengambilan baru kakitangan awam bukanlah satu langkah yang bijak dan hendak dipertimbangkan semula. Saya tidak nampak bahawa pengurangan gaji kakitangan-kakitangan baru dalam Perkhidmatan Awam adalah satu perkara yang wajar dilakukan. Adalah lebih adil jika Kerajaan menyemak semula gaji dan elaun-elaun besar yang dibayar kepada pegawai-pegawai atasan dalam kebanyakan agensi-agensi awam dan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri.

Kerajaan tanpa diragukan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pelaburan dan meningkatkan ekonomi akan tetapi

saya tidak nampak usaha-usaha ini mencukupi untuk memberikan tenaga yang perlu bagi menghidupkan semula pertumbuhan ekonomi dan pengwujudan peluang-peluang perniagaan.

Adalah menjadi pandangan saya bahawa syarat penting untuk membangunkan ekonomi yang dinamis dan berkembang adalah pengwujudan persekitaran perniagaan yang menekankan kecekapan dan menggalakkan persaingan dalam kegiatan-kegiatan yang produktif. Untuk mewujudkan satu persekitaran perniagaan yang lebih positif memerlukan peralihan peranan Kerajaan dari kecenderungan untuk campur-tangan dan mengaturkan kegiatan harian perindustrian kepada satu persefahaman dan menghapuskan halangan kepada daya usaha pembaruan dan pengambilan risiko.

Walaupun saya menyedari bahawa usaha-usaha sedang dibuat untuk mengubah persekitaran adalah menjadi pandangan saya bahawa perubahan struktur dalam ekonomi Malaysia akan memerlukan satu persekitaran yang bebas dalam mana para pelabur boleh beroperasi dengan bebas dan mudah. Peraturan dan prosedur pentadbiran mestilah membantu proses pertumbuhan dan perkembangan daripada menghalang pembangunannya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menyatakan bahawa Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk menswastakan atau menutup beberapa syarikat yang mengalami kerugian. Sehingga ini 71 syarikat telah dijual kepada sektor swasta. Menurut Yang Berhormat Menteri juga Kerajaan sedang menilai prestasi 60 lagi syarikat yang lemah untuk memastikan sama ada ia patut ditutup, dipulihkan semula atau diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya menutup semua syarikat-syarikat yang masih ada. Sebagai satu dasar Kerajaan tidak patut terlibat dalam perniagaan, kalau pun ada terlibat hanya secara kecil-kecilan itu sahaja. Peranan Kerajaan hendaklah hanya menunjukkan kepada sektor swasta bidang-bidang yang mana perindustrian-perindustrian patut melabur dan berkembang. Sektor swasta patut digalakkan melabur atau melabur semula menutup kekuatan pasaran.

Sebaik sahaja infrastruktur ekonomi wujud dan mencukupi kegiatan-kegiatan pelaburan swasta akan mengekorinya. Saluran ini adalah terbukti berjaya dalam negara-negara perindustrian baru. Agensi-agensi Kerajaan negeri hendaklah turut sama selaras dengan dasar kita melibatkan diri dalam perniagaan dan tidak bersaing dalam pelaburan swasta.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dalam sebuah sistem ekonomi yang kecil dan terbuka seperti negara Malaysia adalah penting bahawa perkhidmatan perindustrian Malaysia menjadi lebih kompetitif terutamanya dalam pasaran antarabangsa. Kejayaan dan pertumbuhan komoditi utama Malaysia dalam beberapa dekad yang lalu bergantung kepada kebolehan perindustrian ini mencapai satu paras produktif yang tinggi bersaing mutu dan harga. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini persaingan perindustrian ini juga dipersoalkan dengan persaingan lebih besar yang sekarang dihadapi oleh negara kita dari negara-negara seperti Indonesia, Filipina dan Thailand.

Produktiviti dan persaingan dalam sektor pembuatan di Malaysia hendaklah dipertingkatkan oleh kerana pasaran dalam negeri telah dipenuhi dan satu pendekatan ke arah

ke hadapan perlu diamalkan. Ini akan bermakna bahawa perindustrian utama dan pembuatan terpaksa memastikan bahawa produktiviti perlu ditingkatkan ke satu paras yang mana rakyat Malaysia boleh menyaingi barang-barang import di samping dalam pasaran luar negeri. Pada masa yang genting ini apabila ekonomi berada dalam keadaan tertekan Kerajaan patut mengamalkan satu dasar sokongan ke arah pengeluaran barang dan perkhidmatan tempatan. Saya mencadangkan bahawa Kerajaan patut melindungi dan menyokong para pengeluaran barangan dan perkhidmatan tempatan yang mana pengeluaran-pengeluaran Malaysia boleh membekalkan pada kadar harga dan mutu yang kompetitif dan merek. hendaklah diberikan keutamaan bersama dengan pembekal-pembekal dan pemborong-pemborong asing.

Belanjawan tahun 1988 telah menyediakan satu peruntukan sebanyak \$4.2 billion atau lebih kurang dua pertiga dari jumlah perbelanjaan pembangunan bagi pembasmian kemiskinan yang menjadi matlamat dalam Dasar Ekonomi Baru yang mana Kerajaan akan terus memberikan keutamaan yang tertinggi kepada projek-projek pembangunan dalam kawasan-kawasan luar bandar. Parti DAP menyokong pembasmian kemiskinan dalam kawasan-kawasan luar bandar dan adalah menjadi harapan kami bahawa usaha-usaha ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk membantu golongan miskin yang tulen dalam kawasan-kawasan luar bandar akan dilaksanakan.

Di samping saya menghargai keperluan membasmi kemiskinan di luar bandar, kami juga berharap bahawa kemiskinan di bandar tidak akan dilupakan. Saya menggesa Kerajaan supaya mengenal pasti kawasan-kawasan yang dilanda kemiskinan dalam kawasan-kawasan bandar bagi menentukan apakah jenis

program yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan status sosio-ekonomi golongan miskin dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang memikul tugas kemajuan Wilayah Persekutuan baru-baru ini bahawa kemiskinan ialah satu masalah serius dalam Kuala Lumpur telah memperkuatkan apa yang saya bangkitkan dalam Parlimen selama ini bahawa kemiskinan masih wujud dalam Kuala Lumpur dan memerlukan tindakan Kerajaan untuk mengatasinya. Saya sering menyatakan bahawa penderitaan dan kesusahan yang dihadapi oleh golongan miskin dalam bandar mestilah tidak diketepikan dari program pembasmian kemiskinan Kerajaan. Golongan miskin dalam bandar di Kuala Lumpur boleh dikenal pasti menerusi lokasi rumah-rumah mereka, kawasan-kawasan setingan, penempatan yang terbiar di tepi landasan keretapi, kampung-kampung baru, kampung-kampung dan kawasan-kawasan tercicir dalam Bandaraya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan juga ada menyatakan dalam Belanjawannya bahawa Kerajaan akan menyegerakan pelaksanaan program penswastaan. Cadangan Kerajaan untuk mempercepatkan penswastaan mestilah dikaji dengan berhati-hati sebelum ianya dilaksanakan. Ramai rakyat Malaysia yang memberi perhatian berat termasuk golongan profesional telah melahirkan kekhawatiran mereka mengenai dasar penswastaan Kerajaan terutamanya penswastaan kemudahan-kemudahan awam seperti Telekom. Dasar penswastaan hendaklah dikaji semula kerana banyak projek telah menimbulkan persoalan etika dan

integriti. Sebagai contohnya penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan. Memandangkan hasrat Kerajaan untuk mempercepatkan program penswastaan dan telah menyenaraikan lebih 35 buah jabatan, agensi dan perkhidmatan awam untuk diswastakan adalah amat perlu perkara dikaji pada keseluruhannya sebelum ianya dilaksanakan sepenuhnya.

Kerajaan hendaklah mengambil pertimbangan akan kesan-kesan jangka panjang apa-apa program penswastaan dan bukan menumpukan hanya untuk mencari keuntungan segera. Penswastaan bukanlah satu cara untuk menyelesaikan semua masalah. Ia boleh menyelesaikan beberapa masalah tertentu tetapi ia juga boleh menimbulkan masalah-masalah lain yang lebih serius lagi. Kami tidak hendak melihat program penswastaan ini disalahgunakan dan atas sebab ini maka saya mencadangkan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen patut ditubuhkan untuk mengkaji keseluruhannya konsep penswastaan dan memastikan sama ada ianya baik untuk negara atau sebaliknya. Terutamanya ia hendaklah memastikan sama ada kemudahan-kemudahan awam seperti bekalan elektrik, perkhidmatan pos dan setengah-setengah aspek perkhidmatan hospital hendaklah diswastakan. Pertubuhan-pertubuhan berkepentingan awam yang berminat untuk mengkaji semula dasar penswastaan hendaklah dibenar mengemukakan pandangan-pandangan mereka kepada Jawatankuasa Pilihan Parlimen ini. Laporan daripada Jawatankuasa Pilihan Parlimen yang akan mencatatkan maklumbalas awam kepada keseluruhan konsep penswastaan serta pandangan Kerajaan sendiri kemudiannya hendaklah dibentangkan di Parlimen dan negara untuk perbincangan lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk menyatakan di sini bahawa keutamaan hendaklah diberikan kepada keperluan dan tempat tinggal bagi anggota polis dan angkatan tentera di bawah satu peruntukan \$507 juta untuk pembangunan sektor keselamatan. Anggota polis dan anggota tentera telah lama menghadapi masalah perumahan dan tempat tinggal dan adalah wajar bagi keperluan perumahan dan tempat tinggal mereka diberikan keutamaan. Saya telah membangkitkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini dan saya berasa gembira kerana perhatian adalah diberi kepada aspek ini.

Bercakap mengenai masalah perumahan, saya juga mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan perkara mengenai program khas perumahan kos rendah yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dengan tujuan untuk meransangkan pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam sektor pembinaan di samping mewujudkan dan menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan. Program khas perumahan kos rendah mengandungi 240,000 unit rumah kos rendah yang perlu dibina untuk tempoh selama 3 tahun dari tahun 1986 hingga 1988 yang mana 80,000 unit dibina setiap tahun. Jumlah 240,000 unit yang merupakan sebahagian jumlah 374,100 unit rumah kos rendah yang perlu dibina oleh sektor swasta di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Akan tetapi, dengan melihat kepada prestasi pelaksanaan program ini, saya mahu menyatakan perasaan dukacita saya oleh kerana saya berpendapat bahawa program ini menemui kegagalan.

Berdasarkan kepada angka-angka yang saya terima dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa sidang Parlimen, saya dimaklumkan bahawa sehingga 30hb

Ogos, 1987, hanya 4,640 unit atau 5.9% dari jumlah matlamat unit telah siap dibina. 32,529 unit atau 41.2% lagi sedang berada di bawah berbagai peringkat pembinaan. Sementara 41,745 unit atau 52.9% lagi di peringkat awal pelaksanaan. Ini sesungguhnya memeranjatkan jika diperhatikan bahawa 80,000 dijangka dibina setiap tahun. Sekarang kita sudah sampai ke tempoh akhir tahun 1987 dan hanya 4,640 unit sahaja yang telah disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya menjalankan satu kajian penuh tentang pelaksanaan program khas perumahan kos rendah bagi memastikan sebab-sebab prestasinya yang kurang memuaskan. Ia patut juga mengkaji balik pelbagai langkah untuk membantu sektor swasta dalam melaksanakan program khas perumahan kos rendah bagi memastikan sama ada langkah-langkah ini boleh menyumbang apa-apa bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk membangkitkan satu masalah yang serius yang sentiasa berlaku di Wilayah Persekutuan dan masalah ini ialah mengenai masalah banjir kilat yang sering berlaku di bandar Kuala Lumpur. Musim hujan yang melanda Kuala Lumpur sekarang telah mengakibatkan kesusahan bagi semua kawasan rendah kerana ancaman banjir pada setiap hari. Banjir bukan sahaja menimbulkan kesesakan lalulintas yang teruk di sekitar bandaraya tetapi juga menjejaskan dengan serius kepada mereka yang tinggal dalam kawasan-kawasan rendah.

Sehingga hari ini banjir yang berlaku dalam Kuala Lumpur bukan sahaja mengakibatkan kerosakan harta benda tetapi juga mengorbankan nyawa manusia. Banjir terjadi kerana

disebabkan sungai atau anak-anak sungai serta longkang besar telah melimpah dan tidak boleh menampung amaun air yang banyak. Satu contoh yang baik ialah Sungai Kerayong yang merintang Jalan Cheras dan Jalan Sungai Besi.

Jawapan kepada masalah ini terletak kepada tindakan mengorek dan mendalamkan sungai-sungai yang terlibat dan tentunya ini memerlukan perbelanjaan. Dalam hubungan ini saya membantah keras mengenai pengurangan peruntukan Belanjawan bagi projek mengorek, mendalam dan membaiki perparitan dalam Wilayah Persekutuan.

Saya mendapati bahawa peruntukan Belanjawan bagi membaiki perparitan dalam Wilayah Persekutuan telah dikurangkan daripada \$17.47 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima kepada \$6.5 juta sahaja. Jadi pengurangan dalam peruntukan Belanjawan ini akan bermakna kurangnya kerja-kerja mengatasi banjir dijalankan. Kerajaan hendaklah lebih serius dalam mengatasi masalah banjir di dalam Kuala Lumpur dan pengurangan peruntukan bagi membaiki sistem perparitan dalam Kuala Lumpur tidak akan membantu apa-apa.

Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya meneliti perkara ini dan mengatitkan satu peruntukan khas yang berjumlah \$30 juta bagi membaiki sistem perparitan dalam Wilayah Persekutuan bagi mengatasi banjir kilat yang teruk melanda Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengakhiri ucapan Belanjawannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bercakap tentang bahaya-bahaya dalam sebuah masyarakat pelbagai kaum dan keperluan mengendurkan ketegangan kaum. DAP menyedari sepenuhnya betapa pentingnya membina sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu-padu. Inilah

sebabnya mengapa semua pemimpin-pemimpin parti politik mesti menganggap ini sebagai satu tugas yang utama untuk bekerja ke arah mengurangkan polarisasi kaum dan menggalakkan perpaduan nasional.

Jadi perkembangan baru-baru ini menunjukkan betapa goyangnya jalinan hubungan pelbagai kaum di negara kita. Dan adalah menjadi tanggungjawab semua pemimpin politik memastikan bahawa jalinan hubungan pelbagai kaum ini tidak akan diburukkan lagi.

Rakyat Malaysia telah cukup menderita selama 3 tahun yang lalu kerana kemelesetan ekonomi dan penderitaan ini tidak harus ditambah lagi dengan masalah polarisasi kaum yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu petang ini untuk membatalkan perhimpunan UMNO yang dijadualkan pada 1hb November, 1987. Akan tetapi, saya bagi pihak DAP ingin menyatakan amat kesalnya tentang berbagai-bagai tuduhan yang telah dilemparkan kepada parti DAP.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menafikan sekeras-kerasnya tentang tuduhan yang melulu yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap parti DAP, khususnya tentang kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri bahawa parti DAP ialah satu parti yang selalu memainkan isu perkauman . . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau bangun.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya rasa tidak perlulah sebab saya hendak menjawab sahaja. Jadi, izinkan saya menegaskan di sini bahawa parti DAP ialah satu parti yang benar-benar berdasarkan kepada konsep pelbagai kaum. Dan yang sebenarnya kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini pernah membaca ataupun mendengar ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti DAP, khususnya kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang terus dapat membuktikan ini bahawa parti DAP bukanlah sahaja membangkitkan isu-isu yang ditentukan kepada sesuatu kaum, akan tetapi isu-isu yang melibatkan semua kaum, termasuk masalah-masalah yang dialami oleh penduduk-penduduk dalam kawasan luar bandar.

Dan satu contoh yang baik ialah mengenai isu FELDA iaitu masalah-masalah yang dialami oleh peneroka-peneroka FELDA yang baru-baru ini ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan wakil bagi Tanjong bagi pihak DAP.

Dengan ini terus membuktikan bahawa parti DAP bukanlah satu parti yang ingin memainkan isu kaum untuk mencari keuntungan politik. Dan satu isu yang lain yang pernah juga disentuh ialah mengenai masalah UEM yang juga telah terbukti bahawa ini ialah satu isu yang melibatkan semua kaum di Negara kita . . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, point of order. Kelmarin . . . . .

**Tuan Lee Lam Thye:** Apa point of ordernya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, apa point of ordernya?

**Tuan Zubir bin Embong:** *Sub judice.* Tuan Yang di-Pertua, kerana kes UEM itu sedang dibicarakan di

mahkamah, dan Tuan Yang di-Pertua telah membuat ruling kelmarin apabila Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa membuat ucapan menyentuh soal itu dan pihak UMNO telah membuat bantahan dan telah dibuat ruling bahawa tidak dibenarkan membicarakan soal UEM kerana sekarang ini kes itu berada di mahkamah untuk menunggu perbicaraan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah membahaskan kes itu, apa . . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Menyebut pun tidak bolehlah.

**Tuan Lee Lam Thye:** Sebagai satu contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat berdua sila duduk. Saya rasa perkara ini sudah dibuat keputusan, jadi saya tidak benarkan mana-mana pihak pun menyebut perkara UEM ini. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyatakan di sini bahawa semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan ideologi politik hendaklah memberikan perhatian yang berat mengenai masalah polarisasi kaum. Dan kita semua mempunyai tanggungjawab untuk mengurangkan masalah yang serius ini. Konflik kaum amat bahaya dan dia boleh menghancurkan negara kita. Marilah kita semua mengatasinya.

Saya ingin mencadangkan di sini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri haruslah menganjurkan satu mesyuarat khas pemimpin-pemimpin semua parti politik bagi membincangkan masalah tentang polarisasi kaum yang kian bertambah dan mencari jalan-jalan yang sesuai untuk mengurangkannya.

Dalam analisa terakhir kita mesti menerima hakikat bahawa keharmonian kaum dan kestabilan politik merupakan anak kunci kesejahteraan dan kemakmuran masa depan ekonomi negara Malaysia.

Pada akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan pendirian DAP mengenai kempen gerakan Bulan Bahasa Kebangsaan. DAP menyokong penuh kempen untuk menghidupkan semula semangat Bulan Bahasa Kebangsaan yang akan dilancarkan oleh Kerajaan tidak lama lagi dalam satu gerakan yang bertemakan, "Cintailah Bahasa Kita". DAP sedia memberikan khidmat dalam jawatankuasa peringkat tinggi yang dibentuk oleh Kerajaan sekiranya dijemput berbuat demikian kerana menyedari pentingnya Bahasa Kebangsaan dalam kehidupan negara berbilang kaum ini. Pihak DAP pun telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh saya bagi membincangkan peranan DAP dalam menjayakan gerakan Bulan Bahasa ini. Dengan penjelasan ini, segala keraguan umum terhadap sokongan DAP bagi mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dapat dihapuskan.

Sebenarnya DAP telah pun membuktikan kejujuran dalam menjayakan penggunaan Bahasa Malaysia. Misalnya Parti DAP telah mengarahkan semua Wakil-wakil Rakyatnya menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua perbincangan dan seminar. Keduanya Parti DAP telah memutuskan untuk mengenakan syarat bahawa setiap calon pilihanraya dari Parti DAP dikehendaki lulus ujian Bahasa Malaysia sebelum layak menjadi calon pilihanraya yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Marang.

5.43 ptg.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahas Belanjawan Negara 1988 ini dibentangkan pada tahun 1987. Saya melihat bahawa Anggaran Belanjawan Negara tahun 1988 adalah satu Belanjawan yang melegakan, yang baik dan juga menguntungkan semua pihak. Walau bagaimanapun, di sebalik baik, melegakan dan menguntungkan itu, terdapat perkara-perkara yang boleh kita memberikan pandangan-pandangan bagi menambahkan lagi kekuatan yang ada di samping untuk memberikan fikiran-fikiran bagi tujuan kritik membina.

Belanjawan Negara 1988 jelas adalah untuk melaksanakan tiga strategi utama. Pertama untuk memperkukuhkan proses pemulihan ekonomi. Kedua, untuk meningkatkan kecekapan industri dan ketiga untuk mengekalkan kewangan di sektor awam. Strategi-stretegi ini adalah sangat penting memandangkan keadaan negara, pertumbuhan ekonominya, suasana dan seumpamanya, maka strategi ini adalah dirasakan sangat sesuai. Namun demikian, pelaksanaan sesuatu dasar, lebih-lebih lagi yang menyentuh Belanjawan mestilah diikat dengan suasana yang baik, dengan keadaan negara yang stabil, dengan keadaan rakyatnya yang hidup bersatupadu dan sebagainya. Tetapi malangnya dalam usaha pihak Kerajaan cuba mencapai tiga strategi tadi, kita nampak terlalu banyak halangan-halangan yang terpaksa ditempuh.

Halangan yang utama pada hari ini ialah terdapatnya suatu keadaan ataupun suasana di mana terdapat pihak-pihak tertentu telah menimbulkan semacam keraguan dan ketakutan di kalangan rakyat dan juga di kalangan orang asing. Kita lihat baru-baru ini bagaimana parti-parti

Pembanggang, khususnya DAP telah menimbulkan suatu suasana yang mengeruhkan keadaan, yang boleh menyebabkan orang hilang kepercayaan. Telah lama keadaan ini mereka mainkan semenjak isu 'pribumi', kemudian melarat isu pertuanan Melayu, saman Sultan, isu Bahasa, isu pakaian, isu songkok dan akhirnya isu SRJK. Semuanya isu ini telah menyebabkan kaum lain, khususnya orang Melayu, merasakan tidak senang dan merasa gentar perasaan dan hatinya apabila hak-hak yang sedemikian rupa yang telah lama mereka bersabar untuk orang-orang lain seperti kalangan DAP ini tidak mencabar. Tetapi nampaknya isu ini terus dimainkan dari masa ke semasa. Permainan isu ini sehingga berjaya menjerat MCA di dalam kemelut DAP dan juga Parti GERAKAN.

Saya, pada hari ini bukanlah bertujuan untuk membuka balik kisah yang baru ditutup tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi apa yang saya nyatakan adalah untuk memberi ingatan bahawa jatuhnya harga saham, wujudnya suasana kelam-kabut semenjak lepas perayaan kemerdekaan hinggalah ke hari ini adalah kerana wujudnya golongan-golongan yang berkepentingan. Kita tidak marah puak-puak Pembanggang ini untuk memancing undi ataupun untuk mencari kepentingan politik. Tetapi kita merasakan satu kekesalan yang amat sangat apabila isu-isu ini diseret sehinggakan suasana begitu tegang dan menakutkan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti sekejap.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Minta jalan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak payah. Nanti dahulu, biar saya

cakap. Isu yang tegang ini begitu lama. Kemudian dalam ucapan-ucapan seperti ucapan yang telah dimainkan oleh Yang Berhormat Wakil Tanjong, iaitu Yang Berhormat Lim Kit Siang menyatakan bahawa ketegangan ini adalah disebabkan pihak UMNO sendiri, oleh Pergerakan PEMUDA yang berhimpun yang akan diikuti oleh perhimpunan UMNO pada 1hb November, 1987 ini.

Pada ucapan Ketua Pembanggang, jelas pada kita bahawa isu-isu yang telah mereka mainkan, isu Pri-Bumi, isu ketuanan dan sebagainya, mereka hendak lupakan. Apabila mereka membentangkan usul-usul itu, cadangan-cadangan itu yang menyentuh Budget Negara baru-baru ini, ia seolah melambangkan bahawa Saudara Ketua Pembanggang itu berlagak sebagai "peace maker" ataupun pendamai. Ia cuba berlindung selama ini, ia "Ketua Pembanggang" itu sebenarnya ialah "great trouble maker", dengan izin, ataupun pencetus atau penganggu-gugat keamanan. Dalam ucapan itu jelas sekali Saudara Yang Berhormat Wakil Tanjong menyeru kononnya supaya perbahasan dalam Parlimen dijalankan dalam keadaan tenang, suasana yang damai dan penuh rasional. Itulah lagak, actingnya seolah-olah bintang filem, lebih teruk daripada bintang filem di zaman purbakala. Jadi kita melihat cara yang dimainkan oleh Saudara Lim Kit Siang ini, Yang Berhormat Ketua Pembanggang ini menampakkan pada kita . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak beri jalan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak beri jalan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Point of order. Jangan sebutkan nama Yang Berhormat itu. Ketua Pembangkang atau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pun cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Jangan sebut nama, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Okay, boleh. Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini telah cuba mempengaruhi, tidak cukup di luar Dewan, hari yang masa berucap itu dia telah cuba memikul serta menjerat Ahli-ahli Parlimen pula. Dia ingat MCA akan terus terjerat, dia ingat GERAKAN akan terus terjerat. Tetapi saya puji MCA, MCA ini bukanlah parti yang selama-lamanya menjadi "pak turut", begitu juga GERAKAN—"Pisang takkan berbuah dua kali."

Tetapi bukan itu sahaja, strategi-strategi sulit yang lain telah dijalankan. Alhamdulillah, pada petang ini kira-kira jam 3.45 tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjalankan satu langkah yang bijak, yang cekap, yang pantas bagi menangkap petualang-petualang yang kita anggap boleh merosak serta mencetuskan suasana negara. Pada hari ini saya difahamkan seramai 59 orang telah ditahan. Saya puji penahanan itu. Walau bagaimanapun, saya kira penahanan 3 orang tokoh gerakan Pemuda, Saudara Ibrahim, Saudara Fahmi dan juga Saudara Tajuddin Abdul Rahman perlulah diambil kira kerana mereka ini bukan memulakan isu panas, isu yang berat adalah berdasarkan kepada perbuatan dan juga urutan daripada pihak yang lain terlebih dahulu.

Walaupun bagaimanapun, saya hendak gambarkan bahawa sesuatu yang cuba dijalankan itu ada responsnya. Maka response yang telah diberikan oleh Pemuda saya kira bukan oleh kesalahan Pemuda tetapi oleh sebab

kesalahan yang didatangkan sendiri oleh pihak-pihak Pembangkang itu. Saya tidak hendaklah bercakap panjang dalam soal ini tetapi pokoknya kalau kita membahaskan soal Budget, soal keamanan merupakan satu soal yang sangat penting.

Saudara Yang Berhormat Ketua Pembangkang juga mengatakan bahawa Budget 1988 kalah kepada isu gelaran "Dato". Sebab dia mengatakan demikian kononnya dia melihat Dato' Lee Kim Sai sebagai juara dan dia cuba untuk menjadikan sebagai bonekanya terus menerus. Jadi, saya kira Budget yang hendak dikatakan itu sebagai kalah kepada isu gelaran "Dato" adalah merupakan angan-angannya lagi untuk menjerat MCA itu sendiri.

Selain daripada itu juga beliau mengatakan bahawa Budget 1988 adalah satu Budget yang "bore", ataupun Budget yang membosankan serta "non-Budget". Saya kira itulah sikap parti Pembangkang termasuk Ahli dari Seremban yang sedang berdiri, Wakil Kepong yang sedang duduk dan sebagainya, tidak pernah meneliti Budget ini sebagai satu Budget yang boleh menguntungkan. Apa yang disebut adalah Budget ini sebagai Budget yang tidak menguntungkan. Jadi, kalau ini sikap parti Pembangkang, saya bukan sahaja merasa kecewa, tetapi juga untuk memaparkan bahawa Pembangkang tidak ada kerja lain kecuali menggambarkan peranan-peranan mereka yang sangat negatif dan tidak membina

Saya bukan kata semua DAP macam itu, tetapi saya sangat bersetuju kepada Wakil-wakil yang telah berucap iaitu daripada Kepong ataupun yang lain-lain yang telah berucap itu cuba juga berperanan macam Wakil dari Bukit Bintang, Lee Lam Thye, yang melihat sesuatu isu itu dengan penuh rasional dan

sebagainya. Kalau inilah yang dapat dimainkan oleh parti Pembangkang, barulah Saudara Yang Berhormat Ketua Pembangkang boleh mendakwa bahawa Ahli-ahli Parlimen mestilah berhujah, mestilah berpidato, mestilah mengeluarkan fikirannya dengan keadaan tenang dan seumpamanya.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Kepong bangun. Minta apa Yang Berhormat?

**Dr Tan Seng Giaw:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minta penjelasan, dia beri.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Beri.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang ini dia memang tidak boleh tahu apa yang betul dan yang tidak betul, tetapi serkap jarang dan bolehkah beliau itu meneliti apa yang terkandung di dalam **Hansard** ini hujah saya mengenai Budget, Belanjawan ini? Saya ada, yang baik saya kata baik, yang tidak baik saya kata tidak baik. Itulah maksud saya, yang tidak baik pun dia hendakkan memuji-muji, jadi kita bukan pengilat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada penjelasan. Bila saya marah baru dia mengaku dia hendak jadi baik. Kalau tidak, mampus dia tidak hendak jadi baik!

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya telah pun mengatakan tadi bahawa saya tidak mahu mengulangi perkara-perkara yang telah pun saya kira climaxnya telah turun pada hari ini disebabkan oleh pengumuman daripada Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri, tetapi untuk bercakap sekali kepada pihak-pihak ini, dia memang tidak faham. Sebab itulah saya hendak ulang lagi sedikit iaitu saya hendak sentuh di dalam soal kenaikan pangkat guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Ketua Pembangkang mengakui sendiri bahawa isu kenaikan pangkat bukanlah satu isu perkauman tetapi Ketua Pembangkang sendiri dan juga beberapa kuncu-kuncunya yang lain-lain mengatakan bahawa ia adalah merupakan isu pentadbiran.

Soalnya, kalaulah ianya isu pentadbiran, kenapa dalam saat-saat Kementerian Pendidikan mahu menyelesaikan masalah pentadbiran itu yang diakui sendiri oleh Menteri Pendidikan, oleh Timbalan Perdana Menteri, kenapa saat-saat itu DAP telah berkumpul dengan parti-parti lain mengadakan perhimpunan tidak kurang daripada 3,000 orang dengan dihadiri dan diikuti sama oleh tidak kurang daripada 60 organisasi-organisasi Cina di seluruh negara? Bukankah ini merupakan isu politik tetapi kenapakah pula orang-orang lain yang mengatakan pentadbiran mengambil isu ini sebagai isu politik dan kalau isu ini isu pentadbiran, kenapa Yang Berhormat Menteri Pendidikan diminta dan didesak supaya meletakkan jawatan? Kalaulah Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu daripada orang UMNO, maka sudah barang tentulah kesensitifannya itu akan terjalin dan terhimpit sama kepada orang UMNO. Maka adalah tidak salah kalau sekiranya Pemuda memulakannya, begitu juga orang-orang Melayu yang lain yang memulakannya.

Jadi saya memberi ingatan, kalau mahu bercakap dalam Dewan kita mestilah bercakap betul-betul. Kalau kita mahu bertindak, mestilah bertindak berasaskan yang rasional, asas yang logik dan juga boleh diterima oleh orang lain. Jadi saya mintalah perkara-perkara yang seumpama ini

diberhentikan dan orang lain jangan dianggap bodoh kerana orang lain juga mempunyai akal dan fikiran.

Ketua Pembangkang juga mencadangkan supaya diadakan satu moratorium selama satu tahun. Kononnya dewasa ini terdapat banyak isu-isu yang sensitif, kononnya terdapat isu-isu kaum, isu-isu bahasa, isu-isu budaya, isu-isu agama yang seolah-olah menggambarkan bahawa Kerajaan pada hari ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri konon-kononnya tidak mampu menyelesaikan masalah-masalah itu. Sebenarnya, kalaulah Kerajaan UMNO sebagai tulang belakang tidak mampu, maka sudah barang tentulah UMNO tidak akan berkuasa selama lebih daripada 40 tahun. Begitu juga kalaulah UMNO tidak berkuasa menguasai Kerajaan, sudah barang tentulah telah banyak pertumpahan darah yang terjadi tetapi tidak pernah terjadi kecuali 13 Mei, itupun orang lain mulakan.

Jadi kepada cadangan untuk mengadakan satu maratorium, saya nasihatkan kepada Ketua Pembangkang di mana ada "awak-awaknya" dua tiga orang di dalam Dewan ini, supaya moratorium itu tidak payahlah hendak diterap dan hendak diajar kepada satu pemerintah yang ada, tetapi cukuplah moratorium itu diterap dan diajar dalam pimpinan Pembangkang itu sendiri. Bolehlah kita namakan sebagai moratorium DAP untuk menyelesaikan masalah-masalah, untuk menyelesaikan suasana-suasana, kecuali Yang Berhormat dari Bukit Bintang bolehlah keluar dalam soal ini, dia ini baik sedikit dan orang lain itu kurang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga diminta Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya mengadakan sebuah Majlis Perundingan Negara. Majlis Perundingan Negara perlu kononnya untuk mendisiplinkan kita, untuk mendisiplinkan negara. Saya

kira Majlis ini tidak penting. Ia penting dan boleh ditubuhkan Majlis Perundingan Negara sekali gus atika, tetapi bolehlah ditubuhkan di kalangan DAP itu sendiri bagi mendisiplinkan mafia-mafia DAP itu. Kalau ini berjaya, saya kira Budget Negara boleh diterima dan juga tidak banyaklah perkara-perkara yang akan menjadi rungutan di kalangan kita semua.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang juga telah mengadakan satu suasana yang kurang aman di mana telah diadakan kempen pendatang haram dan juga di dalam ucapannya ini dinyatakan bahawa pendatang-pendatang haram Indonesia itu terlalu banyak. Saya dalam Dewan ini bukanlah untuk membangkitkan satu suasana perkauman. Tetapi kalau DAP benar-benar ikhlas dan mahu melihat budget ini berjalan dengan baik, maka kenapa tidak turut dinyatakan dan dibentangkan masalah pendatang haram daripada Hong Kong, daripada Macao, daripada China, daripada India. Kenapa tidak tunjuk perasaan? Kenapa muka saudara Ketua Pembangkang duduk dekat Johor dihadapkan ke Indonesia, kenapa tidak duduk di sebelah Kota Bahru sana hadapkan ke sebelah China? Bila saya bercakap ini, orang anggap saya perkauman tetapi kita mahu menasihatkan kepada pemimpin-pemimpin ini, bila kita bercakap tentang soal-soal negara, bila kita mahu menjadi jiwa besar, bila kita mahu jadi pemimpin besar, soal keadilan dalam tuntutan, soalan keadilan dalam melihat isu, soal keadilan dalam melihat masalah mestilah digalakkan sama rata dan sama rasa. Persoalan ini kita faham dan kita tahu. Kalaulah pendatang itu hendak ditekankan kepada satu puak, satu isu sahaja, satu kaum sahaja, ianya juga akan mencetuskan perkauman dan ini saya kira tidaklah elok kita buat ataupun kita teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik kepada satu lagi puak Pembangkang iaitu PAS itu sendiri. PAS mengatakan bahawa budget ini tidak berjalan dengan baik, kerana budget ini adalah disebabkan suasana negara kita ini tidak aman. Pelaburan tidak datang kerana pemimpin tidak jelas, pemimpin menang sedikit, Dr Mahathir menang sedikit, team A dan team B ada. Ini saya kira adalah satu cara hendak melemah-lemahkan pentadbiran. Saya bercakap ini bukanlah saya hendak menyokong pemerintah secara membuta tuli ataupun membabi buta tetapi saya mengingatkan kepada PAS kalaulah saudara Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tidak mampu menjadikan PAS sebagai satu organisasi yang terkuat yang dapat memerintah serta mentadbir negara, maka tidak usahlah mengelabui mata orang-orang dalam Dewan ini untuk menunjukkan kelemahan-kelemahan orang lain. Kalau kita hendak jaga kain orang, kita kena jaga tepi kain kita sendiri, baik ataupun tidak.

Saya kira bila kita memberikan pandangan-pandangan ini kita juga teringat bagaimana PAS mentadbir Kelantan, bagaimana kekecewaan yang telah dialami oleh rakyat Kelantan itu sendiri. Pengajaran itu sudah cukup untuk menyatakan bahawa PAS tidak akan mendapat mandat dan ini telah dibuktikan dalam pilihanraya baru-baru ini.

Kemudian dalam suasana yang begitu, saya juga rasa kesal kerana isu yang remeh-temeh seperti pakai baju Melayu dan dia bising dan dia mengakui pula kononnya dialah orang yang pertama memakai baju Melayu, ek pula itu. Saya tidak mahu cakap soal personal yang begini kerana ini soal Budget Negara tetapi cukuplah kalau saya katakan bahawa Dato' Radzi daripada UMNO terlebih dahulu pakai baju Melayu.

Begitu juga kalau dilihat ucapan daripada wakil PAS itu sendiri seolah-olah wakil UMNO ini sengaja tidak mahu tahu, tidak mahu ambil pesanan tentang Al-Quran, tentang perpaduan, iaitu, "berpegang teguhlah dengan tali Allah dan janganlah bercerai-berai". Kalau saya hendak cerita, memang banyaklah, tetapi cukuplah kalau saya katakan di Terengganu dua Imam siapa buat, nikah dua kali siapa buat, dua masjid siapa buat, kafir mengkafir siapa buat, tidak tegur siapa buat, rampas masjid siapa buat dan banyak perkara-perkara lain yang mana kalau kita teliti, kita menyeru orang kepada kebaikan, kita menyeru kepada perpaduan tetapi sesama Islam pun mereka kafir mengkafir, kata mengata dan sebagainya dan perkara ini kita mengalami sendiri. Kalaulah usaha-usaha yang seperti ini diteruskan oleh wakil PAS itu, saya kira budget yang begini baik, budget yang begini melegakan akan ditakuti oleh orang-orang lain.

Contohnya masa pilihanraya dahulu, isu perkauman dibakar oleh parti Pembangkang, kita lihat saham-saham di negara ini telah jatuh, saham-saham syarikat telah jatuh dan begitu juga jumlah orang peluk agama Islam telah berkurangan. Orang takut Islam, orang lebih senang pada agama yang lain, kerana sikap kita atau cara kita sendiri. Kita mengatakan kita Islam, kita berteori dan kita mengatakan kita ini bagus, takwa dan sebagainya, tetapi amalan kita, tindakan kita merupakan satu tindakan yang jelas bertentangan dengan yang lain.

Begitu juga hari ini mereka bercakap dalam Dewan ini kononnya bahasa itu bukan isu. Dia mengatakan bahawa semua bahasa kita boleh pakai. Tetapi kita ingin bertanya, tidak payahlah tanya orang lain, tanya Allah s.w.t. kenapa Tuhan mewajibkan kita dan mengenakan kita, bila kita bertakbir, bila kita sembahyang, kita baca dengan

menggunakan bahasa Arab. Tuhan tidak menerima kalau kita baca Al-Fatihah dalam bahasa lain. Maka saya ingin katakan bahawa adalah tidak salah kalau sekiranya negara Malaysia ini yang mempunyai bahasa Cina, yang mempunyai bahasa Tamil, yang mempunyai bahasa Melayu, kita menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa teras, bahasa tunggal negara, bukanlah kita "assabiah", bukanlah kita perkauman, tetapi cukup untuk mengatakan dan menjadikan bahawa Bahasa Malaysia mampu sebagai tunggal negara ini sendiri. Maka adalah sangat malang sekiranya mana-mana pihak yang duduk dalam Dewan ini mengiktiraf Bahasa Malaysia seperti Yang Berhormat wakil dari Tanjong tetapi di lain-lain masa atau di ketika suasana yang lain mengiktiraf bahasa Mandarin sebagai bahasa yang utama dan "Bahasa Kebangsaannya" itu sendiri.

Saya kira saya tidak mahu berbalah dengan sesiapa, tetapi pelaksanaan Bulan Bahasa Kebangsaan dan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Bulan Bahasa Kebangsaan sudah cukup diterima oleh semua orang. Tidak mampu dan tidak perlulah orang-orang lain juga untuk bersikap bermuka-muka—dalam lain—di luar lain.

Selain daripada itu, kita juga ada melihat banyak pandangan-pandangan lain iaitu menyentuh tentang budget secara keseluruhan. Izinkan saya memberikan sedikit komentar mengenai budget ini secara keseluruhan. Dalam budget yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan, strategi jelas dan bila kita perincikan beberapa cara, beberapa galakan untuk meningkatkan pertumbuhan dan juga pendapatan kewangan. Salah satunya iaitu meningkatkan pengeluaran minyak daripada 480,000 tong sehari kepada 540,000 tong sehari.

Saya kira usaha ini adalah satu usaha yang baik. Tetapi saya juga ingin memberikan teguran sedikit bahawa kita mengambil minyak daripada negeri-negeri iaitu daripada negeri Terengganu, daripada Sarawak dan juga Sabah dan negeri-negeri ini dibayarkan royalti sebanyak 5%. Saya kira negeri-negeri yang dibayar royalti sebanyak 5% kadangkala menggelapkan suasana dan pandangan daripada Kerajaan Pusat itu sendiri untuk tidak menambahkan peruntukannya ataupun kalau peruntukan telah ada akan tidak diberikan sepenuhnya. Kalau diberi sepenuhnya pun akan dikurangkan peruntukan yang ada itu.

Sebagai contoh negeri saya negeri Terengganu. Orang menganggap Terengganu kaya, orang menganggap Terengganu sebagai Kuwait Malaysia ataupun negara Kuwait di sebelah rantau sini, tetapi inginlah saya jelaskan bahawa hasil-hasil royalti itu adalah hasil-hasil yang selama ini untuk menampung infrastruktur-infrastruktur negeri yang jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Negeri Terengganu juga Kelantan kalau bicara tentang masalah pembangunan, masalah ekonomi ternyata ia sangat miskin dan mundur kebelakang. Jadi, royalti yang kita dapati itu adalah untuk dibelanjakan pada masalah-masalah pembangunan.

Lihat tentang masalah belanja di negeri Terengganu. Belanja di negeri Terengganu hari ini adalah agak kurang. Belanja pembangunan Terengganu kurang sebanyak \$7.5 juta dan Kerajaan Pusat saya kira perlu memberikan tampungan kepada soal ini.

Begitu juga pembangunan yang diberi oleh Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu cuma \$10.2 juta. Itu pun setakat membinakan rumah-rumah murah \$1.2 juta dan juga \$9 juta untuk

bekalan air. Jadi, macam manalah Terengganu hendak membangun dari segi pertanian, dari segi perikanan, dari segi pembangunan-pembangunan yang lain.

Hasil minyak bukanlah banyak sangat. Hasil minyak yang diperolehi oleh negeri Terengganu saya kira tak lebih \$240 juta, hari ini meleset, mungkin kurang daripada \$200 juta, sedangkan pembangunan bagi negeri Terengganu sendiri saya kira melebihi daripada jumlah angka itu iaitu lebih daripada \$250 juta. Ini bukan pembangunan, minta maaf, ini dari segi perbelanjaan mengurus sahaja. Kalau perbelanjaan mengurus \$250 juta, hasil minyak \$240 juta mana hendak cukup. Belum lagi kita **berbincang tentang masalah** pembangunan. Itu masalah pengurusan. Jadi, saya mintalah daripada pihak Pusat di dalam usaha meningkatkan pengeluaran minyak daripada 480,000 tong sehari kepada 540,000 tong sehari juga turut meningkatkan royalti daripada 5% kepada 10%.

Negeri-negeri lain mungkin merasa kecewa dan mungkin juga merasa terkejut tetapi pandangan-pandangan yang saya beri ini adalah pandangan-pandangan yang rasional, yang berasaskan betapa lama dan jauhnya ketinggalan negeri ini dari segi pembangunan dan kita mesti ingat bahawa Terengganu tidak banyak bergantung kepada hasil-hasil lain. Ia hanya bergantung kepada tiga hasil yang utama. Pertama, minyak, lebih kurang \$240 juta, kedua, hutan, sebanyak \$10 juta dan ketiga, tanah kira-kira \$6 juta. Jadi, sebagai kesimpulan dalam soal Budget ini kita minta jangan menganggap Terengganu sebagai negeri kaya dengan minyak, walaupun diberi, telah dibelanjakan untuk infrastruktur. Ini perlulah diambil kira sebagai satu masalah yang mestilah diutamakan kerana kekuatan

Kerajaan hari ini juga datangnya daripada nelayan dan petani dan juga daripada pribumi, orang Melayu itu sendiri yang mana Terengganu memiliki kira-kira 99% dari segi komposisi yang telah saya sebutkan itu tadi.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh iaitu mengenai dengan pengangguran. Pengangguran di negeri ini adalah tinggi; kadar penganggurannya iaitu kira-kira 2.6%. Peluang pekerjaan kira-kira 2.3% sahaja, ertinya kadar pengangguran lebih tinggi daripada kadar pekerjaan itu sendiri. Tahun depan kadar pengangguran ini meningkat kepada 9.4%. 9.4% jika diambil daripada nisbah penduduk negara maka kita **dapati jumlah orang-orang yang** menganggur sebanyak 170,000. Saya kira angka ini adalah satu angka yang tinggi, satu angka yang agak membimbangkan, terutama generasi kita itu sendiri. Apabila mereka tidak mempunyai pekerjaan maka timbullah masalah sosio-ekonomi yang begitu kompleks. Masalah dadah, masalah ponteng, masalah kutu malam, masalah kutu masyarakat, masalah kecurian dan masalah-masalah lain yang begitu hebat diperkatakan. Maka berkatalah Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu Kerajaan mempunyai beberapa cara untuk mengatasinya. Pertama, adakah skim dan projek-projek penggunaan gas Fasa II, kedua, mengadakan bekalan air luar bandar, ketiga, penswastan Lebuhraya Utara/Selatan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan-cadangan ini, tetapi saya juga ingin turut mempersoalkan. Saya tidak bangkang kerana saya sayang Kerajaan saya, tetapi ingin saya memberikan komen secara ikhlas. Berapa sangatlah yang boleh memberi kerja kepada projek-projek ini. Begitu juga projek ini adalah berbentuk sementara, memerlukan pakar-pakar yang bersifat teknikal dan juga kita melihat kalaulah kita rojak,

berapakah orang yang boleh bekerja, bentuk sementara, bersifat teknikal. Ketiga-tiga projek bagi membasmi pengangguran ini adalah projek yang tidak berpijak kepada penggunaan sumber asli. Maka, kalaulah itu keadaannya maka inginlah saya memberikan sedikit pandangan.

Pandangan yang pertama, kenapa tidak kita gunakan semua sekali kemudahan-kemudahan yang sedia ada, tanah yang sedia ada, iklim yang sedia subur, selain daripada itu hutan yang telah ada. Kenapa tidak kita menggunakan alam semula jadi, kenapa tidak kita menggunakan sumber semula jadi ini untuk kita menjadikan rakyat negara kita, terutama yang menganggur ini untuk bersimpati dengan hal-hal ini.

Kalau kita lihat di Filipina, kalau kita lihat di Indonesia—bukanlah kita hendak puji, tetapi kita hendak khabar, kita hendak “goyat”, kata orang Terengganu, iaitu mereka menggunakan kemudahan-kemudahan alam-alam semula jadi ini untuk rakyat mereka mendapatkan pekerjaan.

Saya kira adalah sangat elok kalau pihak Kerajaan dapat membuka tanah-tanah pertanian yang baru, membuka tanah-tanah terbiar, memberikan milik tanah, galakan industri-industri moden, galakan-galakan industri kecil, galakan industri-industri tempatan yang berasaskan kepada bahan-bahan yang telah sedia ada. Kita tidak patut sekali-kali hanya meletakkan satu kegiatan kita kepada sesuatu yang telah ada. Kita juga perlu bekerja keras, kita juga perlu menukarkan sikap rakyat supaya rakyat sedar bahawa sumber semula jadi ini boleh dieksploit sedemikian rupa bagi membuka ruang-ruang pekerjaan.

Saya juga tertarik kepada masalah penswastan. Saya kira cadangan yang baik hendak diswastakan tetapi

perluah kita hati-hati. Jangan kita swastakan yang lemah sahaja, yang hodoh sahaja, yang buruk sahaja, tetapi perluah juga kita swastakan yang megah, yang gagah, yang perkasa supaya dalam soal penswastan ini tidaklah apabila diswastakan mati. Macam mana tak mati, beriak lemah. Hak nyawa-nyawa ikan. Kita perlu swastakan yang lemah, kita ekorkan dengan segala cadangan dan kekuatan, tetapi yang kuat juga perlu kita swastakan. Jangan kita menjadikan konsep pilih ambil, pilih ambil, yang bagus, hak yang comel-comel ambil kita, hak yang bodoh-bodoh beri kepada orang lain. Ini saya kira perluah kita baiki dan juga perluah kita tinjau.

Saya juga melihat bahawa adanya satu cadangan iaitu memperketatkan dan menyemak semula perbelanjaan badan-badan berkanun. Saya kira ini adalah satu cadangan yang baik iaitu hari ini kita dapati lebih daripada 60 syarikat yang mempunyai kedudukan lemah tetapi tidak dinyatakan syarikat-syarikat yang mana dan Kementerian Kewangan telah mengadakan tiga pilihan. Sama ada tutup, sama ada baikpulih ataupun sama ada majukan terus dengan cadangan yang baru. Tetapi katalah, kalau kita tutup 60 syarikat ini, bagaimana pula dengan kakitangan-kakitangannya, hendak bawa ke mana? Mereka ini akan menjadi penganggur yang menambahkan lagi 9.4% itu tadi.

Saya ingin juga menyatakan bahawa apabila kita pandai beristeri, kita pandai beranak, kita juga perlu memelihara anak-anak yang telah kita lahirkan itu. Saya kira badan-badan awam yang telah ada itu adalah badan-badan yang telah dilahirkan oleh kita semua, oleh Kerajaan kita semua. Jadi, langkah tutup adalah langkah mudah, tetapi langkah bagaimana untuk meningkatkan dan memajukannya merupakan langkah

payah. Jadi, jangan kita ambil mudah sahaja, tetapi perlulah kita ambil payah kerana daripada payah ini saya nampak ada sesuatu yang menguntungkan.

Saya juga tertarik kepada masalah pekerja baru tetapi hendak dipotong gajinya menjadi rendah. Cadangan ini baik sebab ramai yang boleh bekerja, kata Menteri Kewangan. Soalnya, kalaulah gaji itu rendah bagaimana pula hendak beli makanan, pakaian dan tempat tinggal yang semakin hari, hari ini semakin mahal, semakin naik, gaji turun, rumah mahal; gaji turun, pakaian mahal; gaji turun, makanan mahal. Kalau tiga keperluan asas ini dimahal-mahalkan sedangkan gaji kita direndah-rendahkan maka wujudlah pelbagai masalah.

Saya kira kemudahan asas perlu bagi kehidupan seseorang manusia dan saya juga kira kalaulah gaji ini direndahkan, timbullah masalah. Satu masalah bagaimana apabila wujudnya perbandingan antara orang yang berkelulusan sama, berkelayaan sama, tetapi gaji berbeza-beza, timbullah masalah-masalah yang boleh mengecohkan suasana. Begitu juga kalau kita rendahkan gaji kita maka swasta juga perlu selaraskan dengan Kerajaan. Jadi ini juga, kalau kita rendahkan gaji kita maka swasta mungkin akan tidak mahu rendah, dia naikkan gaji, maka graduan-graduan atau golongan bijak pandai, dia tidak datang kepada Kerajaan, dia akan lari ke swasta. Dia bekerja dengan swasta, dia fikir, "buat apa kerja dengan Kerajaan, gaji \$600, baik aku lari ke swasta, gaji \$800 ataupun gaji \$1,000". Jadi ini akan mengakibatkan badan-badan Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan akan menjadi lemah. Pilihan yang berpotensi, swasta. Ini pun akan menimbulkan masalah. Begitu juga apabila gaji rendah maka kurang inisiatif, maka juga kurang produktif.

Dalam soal ini ingin saya membentangkan cara-caranya. Gaji

saya kira tidak perlu turun. Yang perlu kita buat buka peluang kerja di sektor-sektor baru, bukan tidak ada tanah—kita ada tanah, bukan tidak ada hutan, kita ada hutan, kita juga mempunyai banyak laut, hutan, darat yang belum diteroka. Hatta, awan pun kita boleh teroka, kapal terbang misalnya. Jadi kalau kita bercakap masih banyak sumber-sumber laut, sumber-sumber darat, sumber-sumber gunung, lembah, lautan dan sebagainya yang kita boleh hasil ataupun yang boleh kita kutip. Saya kira negara kita negara yang luas. Jika dibandingkan dengan Thailand tidak banyak bezanya. Jika dibandingkan dengan Filipina tidak jauh beza luasnya tanah kita orang. Tetapi Filipina dapat menampung penduduknya kira-kira 40 juta. Thailand dapat menampung penduduknya kira-kira 37 juta orang. Apakah kita dengan 15 juta orang ini tidak dapat menampung? Takkanlah hendak dipotong gaji ini kerana hendak menampung orang lain, sedangkan kita mempunyai potensi yang banyak, sedangkan kita mempunyai tanah-tanah yang banyak.

Jadi saya mintalah kalau dulu hendak naikkan elaun 4% kepada 6% turun kepada 5%. Hari ini kita minta pula supaya cadangan-cadangan ini jangan diambil kira. Boleh turunkan gaji, kita setuju, tetapi makanan juga mesti diturunkan harganya, rumah juga mesti diturunkan harganya, pakaian juga mesti diturunkan harganya. Baru seimbang. Mesir, murah makanan rujinya, Indonesia murah makanan rujinya, sebab itu gaji mereka murah. Mesir gajinya murah, Indonesia gajinya murah, Thailand gajinya murah, Filipina gajinya murah, Fasal? Fasal keperluan asas yang tiga, makanan, pakaian dan tempat tinggal adalah merupakan murah, murah, murah dan jika dibandingkan dengan negara kita jauh lebih murah negara dia daripada negara kita. Walau bagaimanapun

bukanlah saya hendak menyatakan "Hujan emas di negeri orang, hujan lembing di negeri sendiri"; saya hendak pergi ke negeri "emas", buat apa saya pergi. Saya akan turut dan pilih juga negeri kita sendiri iaitu hujan lembing di negara kita, kita mesti pertahankan dan daulatkan. Sebab itu saya bercakap ini bermati-matian supaya potensi kita, hal-hal yang ada pada kita, kita eksport sebanyak mungkin. Bukan dengan cara potong gaji dan seumpamanya.

Saya juga tertarik kepada perkara yang lain iaitu penghapusan cukai keuntungan berlebihan sebanyak 3% ke atas syarikat-syarikat yang membayar cukai pendapatan yang melebihi \$2 juta. Saya kira ini adalah baik, menggalakkan perkembangan syarikat, memberikan peluang pekerjaan dan juga pembesaran syarikat dan juga sekali gus dapat menarik pelabur-pelabur baik pelabur dalam negeri ataupun luar negeri dan saya kira apabila ini telah dibuat saya puji Menteri Kewangan, kerana Menteri Kewangan secara tidak langsung telah meletakkan negara Malaysia dalam soal penghapusan cukai 3% itu samalah dengan negara-negara Asean yang lain termasuklah Indonesia, Singapura, Filipina, Thailand dan sebagainya. Ini bagus, ini tidak ada komen apa-apa kerana memang bagus. Kalau komen pun DAP. DAP memang macam itu, PAS pun ada juga, PAS memang macam itu, dia tidak erti. Bila bercakap tentang ini dia cabut lari.

Saya juga tertarik kepada satu cadangan lain iaitu mengenai Tabung Penyusunan Semula Industri yang bernilai kira-kira \$500 juta. Hasrat ini adalah satu hasrat yang melegakan. Satu hasrat yang memperlihatkan adanya galakan terhadap perkembangan industri dan juga satu arah untuk mengurangkan kemelesetan. Sebelum disusun semula industri, sebelum dilahirkan ataupun sebelum diwujudkan \$500 juta ini saya

ingin memberikan sedikit pandangan. Pertama, sebut industri, orang Melayu kurang, orang Cina sahaja ramai. Bukan saya hendak dengki, memang orang Melayu kurang. Oleh hal yang demikian, dalam penyertaan dalam penyusunan ini bumiputera mesti diutamakan dan digalakkan. Kembangkan potensi tempatan daripada potensi luar negeri. Kalau kita melihat ataupun bercakap tentang industri hari ini kita merasa Malaysia sedikit ketinggalan. Baiklah saya ambil 2 perbandingan dan dua perbezaan antara negara kita dengan negara Taiwan—Taiwan di tahun-tahun 50an jauh lebih rendah daripada kita, tahun-tahun 60an dia masih ketinggalan daripada kita, tetapi diambang sekarang, di dekad 80an dia jauh mengatasi, macam roket. Kita macam helikopter, duduk bawah, dia roket naik ke atas. Di Taiwan boleh dikatakan eksportnya bergantung kepada industri-industri tempatan, industri-industri luar bandar, industri-industri sokongan. Di Malaysia sebut sahaja eksport, bercakap tentang industri, 80% industri-industri besar, 20% termasuklah hak budu, hak kayu, hak luar-luar bandar, cencaluk ataupun petai, macam-macam cerita.

Jadi sekarang kalaulah Taiwan boleh menjadikan negaranya yang jauh ketinggalan dalam dekad 50an, tetapi pada tahun 80an telah lead, dengan izin, di rantau Asia dan ASEAN ini telah muncul sebagai sebuah negara yang begitu up-to-date di dalam hasil pengeksporan industri, maka tidak ada sebab Malaysia sekurang-kurangnya sama dengan Thailand, kalau tidak mengatasinya. Kita mempunyai banyak bahan-bahan, sumber-sumber kita, tetapi kenapa kita masih lagi bergantung, bercakap tentang industri atau projek berharga \$300 juta, \$200 juta, dan tidak mahu cakap tentang industri kecil-kecil seperti \$1 juta, \$200,000, \$300,000—tidak ada. Jadi sekarang kita minta dalam soal penyusunan

semula industri ini kita mahu juga industri luar bandar ditukar konsepnya, kita mahu industri luar bandar berkembang baik dan sebagainya.

Begitu juga bila bercakap tentang industri ini kita juga masih sangat bergantung kepada penempatan di zon-zon yang telah besar. Tidak ada maknanya kita membuat sesuatu industri di zon yang telah eksklusif, di zon yang telah besar, di zon yang telah mewah, kalau sekiranya zon-zon itu tidak dilihat secara sama rata tidak ada gunanya kaya di sebelah pihak tetapi senget dan tempang di sebelah lain. Kita kira adalah sangat penting di dalam penyusunan semula industri masalah pembangunan luar bandar diambil kira sebagai yang penting.

Kerana apa? Kerana semua orang tahu, Tuan Yang di-Pertua pun tahu bahawa . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Marang, saya tahu, esok boleh sambung. (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ya. Terima kasih, esok saya akan sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*